

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"MENJADIKAN Al-Quran itu teman, bukanlah dengan menggondong naskahnya, tetapi membacanya, mempelajari dan mengamalkan segala ajarannya."
- Titah Sempena Majlis Pengurniaan Hadiah Musabiqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara, pada 9 Rabiulakhir 1441M / 5 Disember 2019H.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda : Barang siapa pergi pada waktu pagi ke masjid dan pada waktu petang, Allah akan menyediakan baginya sebuah rumah tumpangan di dalam Syurga." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Waktu Sembahyang

IMSAK

5.07

SUBUH

5.17

SYURUK

6.35

DUHA

6.58

ZUHUR

12.35

ASAR

3.55

MAGHRIB

6.33

ISYAK

7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 20

15 FEBRUARI 2021 / 1442 رجب 3

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Tingkatkan ukhuwah, bentuk masyarakat bertakwa



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Kiudang Tutong (lima, kanan) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran Wanita Dewasa di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Tutong.

Berita dan Foto :
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 14 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bakiau dan Pengkalan Mau dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Tutong

mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Wanita Dewasa buat julung kalinya.

Seramai 32 peserta wanita yang terdiri dari Biro Wanita MPK Kampung Bakiau dan Pengkalan Mau menyertai majlis berkenaan yang berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, di sini.

Ke muka 3

Program berkualiti, holistik tingkat kebolehkerjaan pelajar

Siaran Akhbar :
Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Ahad, 14 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menawarkan pendidikan holistik yang memberikan penekanan pada pembelajaran yang luas, berpusatkan pelajar dan pengalaman yang dihasratkan untuk mempersiapkan pelajar untuk masa depan.

Program Ijazah Sarjana yang menggabungkan Discovery Year, di mana pelajar menghabiskan pengajian satu tahun menjalani kajian di luar negara, penempatan (internship), Inkubasi atau Community Outreach Project (COP) untuk memberikan pelajar dengan kemahiran di luar persekitaran kelas.

Selain itu, hubungan dan perkongsian industri yang kuat dengan universiti peringkat tinggi di seluruh dunia memperkukuhkan pengajaran dan penyelidikan serta melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang meningkatkan kebolehkerjaan pelajar.

UBD secara berterusan mengkaji kurikulumnya sambil mengintegrasikan inovasi bagi meningkatkan lagi kebolehkerjaan pelajar di mana kadar pekerjaan pada masa ini adalah sekitar 88 peratus dalam tempoh 24 bulan selepas tamat pengajian.

Kini, pada era Revolusi Industri Ke-4, UBD menambah digital dimensi merentas kurikulumnya bagi memastikan graduan berkemahiran khususnya dalam bidang digital. Antara program terbaharu ditawarkan di UBD termasuk Sarjana Muda Sains Digital dengan jurusan Sains Komputer, Sains Data, Artificial Intelligence dan Robotik serta Keselamatan Siber dan Forensik.

Inisiatif lain untuk meningkatkan kebolehkerjaan adalah akreditasi. Dua lagi program sarjana yang baharu dikenali secara rasmi, iaitu Program Geologi oleh ASEAN University Network Quality Assurance (AUN-QA) dan Program Kejuruteraan Umum oleh Lembaga Akreditasi Kejuruteraan dan Teknologi (ABET) di Amerika Syarikat (AS).

Ke muka 6



KELUARAN KHAS
PELITA BRUNEI hari ini menerbitkan KELUARAN KHAS sempena Sambutan Jubli Nilam Pelita Brunei



BRUNEI DARUSSALAM
2021



KIBARKAN bendera kebangsaan dengan megah
Muka 20

STATISTIK TERKINI

COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 14 FEBRUARI 2021, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN **184**

JUMLAH KEMATIAN **3**

JUMLAH KES YANG SEMBUH **177**

Ministry of Health, Brunei Darussalam

mohbrunei

www.moh.gov.bn

Bimbing belia tampil dengan projek baharu

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

KITA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir di Majlis Penyampaian Hadiah Program Kebelaaan 3K Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong. Alhamdulillah, Program Kebelaaan 3K (Kepimpinan, Kemasyarakatan dan Keusahawanan) ini adalah hasil kerjasama Jabatan Daerah Tutong dan Majlis-majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong, di mana ianya adalah sebagai kesinambungan Konvensyen Belia Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong yang telah diadakan pada 26 Februari 2020.

Penyertaan belia dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) juga ada dikemukakan semasa Sesi Muzakarah saya bersama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung beberapa tahun lalu dan ia jua dibangkitkan semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyuarakan pandangan agar para belia bergiat aktif kerana percaya bahawa menerusi keahlian belia diharap dapat membantu menggerakkan Program Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam berbagai rancangan.

Alhamdulillah, cadangan bagi belia bergiat aktif dan menyertai keahlian MPMK telah disambut baik oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sehingga hari ini kita sudah dapat melihat peningkatan para belia bukan sahaja melibatkan diri sebagai Ahli Majlis malah ada jua yang memimpin biro-biro di bawah MPMK. Usaha seperti ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi melahirkan belia-belia yang berkualiti sebagai *future roofing* kepada kepimpinan MPMK yang akan datang. Saya berharap usaha sebegini akan ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Hari ini kita menyaksikan penglibatan para belia di Daerah Tutong dalam rancangan keusahawanan dengan mengetengahkan produk masing-masing. Ke arah ini saya sukacita merekodkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Daerah Tutong, Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong di atas inisiatif melaksanakan Program Kebelaaan 3K ke arah melahirkan kumpulan belia sebagai penggerak aktiviti yang menjurus kepada aspek 3K iaitu Kepimpinan, Kemasyarakatan dan Keusahawanan.

Saya berharap MPMK akan terus dapat mengembangkan pengetahuan dan kemahiran belia-belia dalam aspek kepimpinan yang merupakan asas bagi kewujudan sesebuah organisasi seperti



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Program Kebelaaan 3K Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong pada Rabu, 20 Jamadilakhir 1442 Hijrah / 3 Februari 2021 Masihi di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

institusi mukim dan kampung. Ia menjadi asas ke arah tujuan menyatupadukan masyarakat dan kunci kejayaan keusahawanan.

Alhamdulillah, apa yang lebih menarik dari program ini adalah penyertaan peserta-peserta yang kebanyakannya terdiri dari graduan-graduan institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri dari berbagai bidang disiplin. Dengan komitmen, kegigihan kepercayaan diri sendiri, mereka telah dapat menjelmakan produk keusahawanan yang dapat pula menjana sumber pendapatan. Ini mencerminkan bahawa para belia dan para graduan mempunyai potensi dan daya kreativiti dan inovasi untuk membuat perusahaan sendiri yang *sustainable*. Inilah sebenarnya ciri-ciri dari graduan dan belia Wawasan 2035 yang mampu untuk berdiri sendiri dan insyaaAllah dapat mengembangkan perusahaan mereka dan membantu meningkatkan sosioekonomi mukim dan kampung.

Dengan kejayaan 17 orang belia MPMK Daerah Tutong ini, saya berharap ia akan dapat pula mencetuskan semangat para belia di MPMK di daerah-daerah lain supaya dapat mencontohi amalan terbaik ini. Saya berharap, lebih ramai lagi belia yang akan tampil ke hadapan dengan projek-projek baharu yang lebih kreatif dan berinovasi tinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam menjayakan rancangan semua ini memerlukan peranan dan komitmen Ahli-ahli Majlis Perundingan untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada para belia.

Kepada belia-belia yang sudah menjadi pengusaha, kejayaan Awang-awang dan Dayang-dayang ini adalah permulaan dari kembara (*journey*) yang jauh. Dalam mengharungi alam perniagaan kita tidak sunyi dari menempuh cabaran. Kerana itu kita hendaklah kuatkan semangat dan azam.

Dalam sama-sama menggalakkan penglibatan belia dan keusahawanan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan memperkenalkan geran keusahawanan dikenali sebagai Belia Membangun. Ia adalah satu bentuk geran pembangunan yang dikhaskan kepada para usahawan yang berdaftar dan bernaung di bawah payung Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung masing-masing yang berjaya mengukuhkan projek-projek perekonomian yang berpotensi dan berdaya tahan ke arah mencapai Wawasan 2035. Ini termasuklah projek-projek yang diusahakan oleh para belia dan beliawanis di bawah Program K3K Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong. Bagi tujuan ini, pemenang Program K3K akan diberi keutamaan bagi mendapatkan geran ini.

Penyediaan geran ini dihasratkan dapat memenuhi objektifnya sebagai galakan kepada para usahawan untuk bergiat aktif di dalam aktiviti-aktiviti MPMK yang menjurus kepada aspek keusahawanan dan perekonomian di samping memperkasakan usahawan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan bimbingan dan sokongan kewangan dalam melaksanakan projek-projek yang dapat membuka peluang pekerjaan bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat yang cemerlang. Jumlah kewangan yang disediakan adalah tertakluk kepada jenis permohonan yang dihadapkan dan jumlah maksimum geran keusahawanan adalah tidak melebihi daripada BND2,000 bagi setiap permohonan.

Saya berharap dengan adanya geran keusahawanan ini ia akan menjadi satu pencetus (*catalyst*) kepada peningkatan bilangan projek-projek perekonomian yang berpotensi dan seterusnya dapat ditingkatkan kualitinya untuk diangkat sebagai projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) mewakili kampung masing-masing.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan program ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada kumpulan-kumpulan belia MPK yang telah tampil ke hadapan menyertai program ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pemangku ketua-ketua kampung serta ahli-ahli MPK di atas komitmen, bimbingan dan sokongan kepada kumpulan belia masing-masing.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

15 FEBRUARI 2021 BERSAMAAN 1442 رجب 3

65 TAHUN MENITI USIA

ALHAMDULILLAH 15 Februari 2021 genaplah usia Akhbar Rasmi Kerajaan, Pelita Brunei Ke-65 Tahun. Sepanjang perjalanannya meniti usia tersebut, pastinya pelbagai kenangan, pengalaman dan cabaran yang dialami, dilalui juga ditempuhi.

Usaha membarigakan maklumat yang betul, sahih dan tepat kepada orang ramai bukannya satu bidang tugas juga tanggungjawab yang mudah.

Ia pastinya memerlukan kerjasama dan tanggungjawab yang sepadu daripada pihak yang berkepentingan atau pemberi maklumat dalam mengongkikan maklumat yang betul kepada pihak pemberita.

Di sinilah kerjasama kedua belah pihak diperlukan, iaitu dalam sama-sama memastikan maklumat yang diberikan dan dikongkikan kepada para pemberita, seterusnya para pembaca adalah betul, sahih dan tepat. Ia tidak dapat dilakukan oleh sebelah pihak sahaja dalam memastikan kebenaran maklumat berkenaan.

Alhamdulillah kerjasama yang diberikan daripada pihak yang berkepentingan dalam memastikan segala hasrat negara dibarigakan mempamerkan perkembangan yang positif.

Kerjasama daripada para pegawai, bahagian mahupun Unit Perhubungan Awam kementerian, jabatan juga pihak swasta mahupun persatuan juga individu amat dihargai dalam mengongkikan pelbagai maklumat acara dan aktiviti masing-masing untuk dimuatkan ke akhbar Pelita Brunei.

Namun, dalam meniti zaman teknologi ini, akhbar Pelita Brunei turut menghadapi pelbagai cabaran. Oleh itu, saluran dalam talian dan aplikasi telefon bimbit digunakan dalam membarigakan berita kepada para pembaca setia Pelita Brunei.

Selain itu, beberapa pembaharuan secara berterusan turut dilaksanakan dengan mengenalkan beberapa ruang baharu juga pendekatan yang pelbagai bagi menarik minat pembaca dari pelbagai latar belakang.

Naskah Pelita Brunei kini boleh diperoleh dalam versi salinan cetak atau keras (*hard copy*), di beberapa tempat strategik yang dikenal pasti atau versi e-Paper yang boleh diperoleh melalui www.epaper.pelita-brunei.gov.bn, pada setiap Isnin, Rabu dan Sabtu. Manakala berita harian di Pelita Brunei boleh dibaca secara dalam talian (*online*) melalui www.pelita-brunei.gov.bn.

Sepertimana juga yang dihasratkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien sempena penerbitan Akhbar Pelita Brunei, pada 15 Februari 1956, iaitu agar penduduk di negara ini, terutama bagi yang tinggal jauh di pekan-pekan, darat mahupun ulu-ulu dapat membaca berita-berita mengenai kerajaan. Ia adalah untuk menceritakan perjalanan dan usaha-usaha kerajaan juga memberikan peluang kepada penduduk dan rakyat di negara ini untuk mengikuti kemajuan negara juga perkhidmatan-perkhidmatan untuk kebajikan mereka.

Usaha mereka yang terdahulu akan digalas dan diteruskan, dalam membariga juga menyampaikan perkhidmatan, dari bandar, kampung hingga pedalaman, usaha pembarigakan akan terus dan kekal dilaksanakan, semoga yang dihasrat dapat disampaikan, pastinya dengan kerjasama berterusan berkekal dari para pelbagai pihak berkepentingan.

Pelita Brunei kini 65 tahun usianya, pelbagai pengalaman juga cabaran ditempuhi jua, pelbagai usaha juga inisiatif akan terus dilaksana, dalam memastikan perkhidmatan sampai hingga ke tujuan hasrat asalnya, hingga para rakyat penduduk faham akan maksud usaha kerajaan jua, untuk kemajuan, kemakmuran negara juga kebahagiaan, kebajikan rakyat sama, melalui pelbagai platform pembarigakan di zaman serba moden jua.

Semoga usaha akhbar Pelita Brunei dalam membarigakan hasrat, usaha, pembangunan, kemajuan negara kepada pengetahuan rakyat penduduk bandar dan pedalaman semua akan berterusan selamanya, akan sentiasa diberikan keberkatan jua, dengan petunjuk, hidayah, lindungan, rahmat juga inayah berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. - **Ketua Penyuntingan (Nb)**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C
PEKAN BANGAR		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C
PEKAN TUTONG		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C
KUALA BELAIT		
30 25 °C	30 25 °C	30 25 °C

Wallahuallam Bissawab
Jabatan Kaicuaca
Brunei Darussalam
www.mel.gov.bn

Talian Cuaca
114
Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	ISNIN	3	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	SELASA	4	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	RABU	5	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
18	KHAMIS	6	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
19	JUMAAT	7	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	SABTU	8	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
21	AHAD	9	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC 2380214

Tingkatkan ukhuwah, bentuk masyarakat bertakwa

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim



Dari muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Kiudang Tutong serta isteri, Dayang Hajah Norsiah binti Haji Ahmad.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha oleh para peserta Khatam.

Pada majlis tersebut, bacaan Doa Khatam dipimpin oleh

Ketua Biro Wanita, Dayang Hajah Entan @ Hajah Siti Minah binti Jalli dan Takhtim diketuai oleh Dayang Hajah Sadkiah binti Jalli.

Sementara itu, bacaan Dikir Marhaban dikepalai oleh Ketua Biro Belia masjid berkenaan, Awang Haji Khairulnizam bin Haji Mohd Jeffry.

Majlis bertujuan bagi meningkatkan ukhuwah bagi membentuk masyarakat yang bertakwa, beriman dan beramal soleh, selain melatih masyarakat agar lebih berusaha bagi mendapatkan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan dipermudahkan dalam melakukan segala pekerjaan.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Kiudang Tutong (depan, tiga dari kanan) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran Wanita Dewasa buat julung kalinya diadakan di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kiudang, Tutong (atas), manakala gambar atas kiri, para peserta yang terdiri dari Biro Wanita MPK Kampung Bakiau dan Pengkalan Mau yang menyertai majlis berkenaan.

Utamakan hubungan kekeluargaan, gaya hidup seimbang

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



AWANG Muhammad Kamarul Ariffin bin Mohd. Nor dari Kampung Rimba semasa ditemui Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Februari. - Program Bandarku Ceria terus mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak, terutama orang ramai yang ingin mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti riadah hujung minggu, lebih-lebih lagi bersama keluarga.

Program tersebut adalah inisiatif pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui beberapa buah kementerian dan agensi-agensi serta pihak yang berkenaan untuk mengadakan hari tanpa kereta pada setiap Ahad.

Dalam tinjauan Pelita Brunei, program tersebut berjalan dengan lancar dan sangat meriah, khususnya di Taman Mahkota Jubli Emas dan kawasan sekitarnya.

Program Bandarku Ceria bukan sahaja memberi mereka peluang untuk melakukan aktiviti riadah tetapi mengeratkan hubungan kekeluargaan di antara golongan warga emas, belia, remaja dan kanak-kanak.

Dengan adanya program tersebut, Bandar Seri Begawan bukan sahaja dihidupkan dengan suasana hujung minggu, malah sebagai sebuah bandar dalam taman (*garden city*) yang mempunyai alam sekitar yang bersih, cantik dan bebas daripada pencemaran.

Awang Muhammad Kamarul Ariffin bin Mohd. Nor dari Kampung Rimba semasa ditemui Pelita Brunei melahirkan rasa

syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberikan peluang untuk beriadah bersama keluarga melalui Program Bandarku Ceria ini.

Beliau yang datang bersama ahli keluarganya seterusnya berkata, program yang meliputi semua peringkat umur tersebut merupakan peluang bagi kita menunjukkan budaya rakyat di negara ini yang sentiasa mengutamakan hubungan kekeluargaan dan gaya hidup yang seimbang.

Menyentuh mengenai penularan wabak COVID-19 di negara ini, beliau menjelaskan, meskipun wabak tersebut adalah dalam keadaan yang terkawal dan langkah-langkah penjarakan sosial yang dikurangkan, orang ramai, khususnya yang berkunjung dan membuat aktiviti riadah, adalah perlu sentiasa mengamalkan kebersihan diri, mengelakkan daripada mengunjungi tempat tumpuan orang ramai dan mematuhi nasihat juga mempraktikkan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.



SUASANA Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan yang sangat indah, sememangnya sangat sesuai untuk beriadah bersama keluarga pada hujung minggu.

COVID-19 : 2 kes sembuh

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Dari muka 1

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 191 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 95,750 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	184		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
2	4	3	177

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (284 hari yang lalu)	43 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri	
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
612	12,888

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2	
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
191 sampel	95,750

Bendera lambang kekuatan, keunggulan, kedaulatan sesebuah negara



TEMBURONG, Sabtu, 13 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Daerah Temburong mengadakan Majlis Syarahan Khas, bertajuk 'Bendera Dalam

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan semasa menyampaikan Syarahan Khas, bertajuk 'Bendera Dalam Sirah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam'.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Hal Ehwal Masjid**

Sirah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam'.

Acara tersebut berlangsung di Masjid RPN Kampung Rataie, Daerah Temburong.

Menyampaikan Syarahan Khas tersebut, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Awang Basar.

Antara tujuan acara ini diadakan adalah untuk menyatakan betapa pentingnya bendera dalam memperlihatkan identiti sesebuah negara.

Selain itu, menjadikan bendera negara lambang kekuatan, keunggulan dan kedaulatan sesebuah negara, seterusnya mentaati perintah raja dan negara

dalam sama-sama menaikkan bendera negara agar keunggulan negara tidak akan dipijak, dibiarkan dan dihina.

Acara ini juga bertujuan sebagai salah satu aktiviti syarahan dalam memakmurkan masjid.

Acara seumpama ini, seterusnya akan berlangsung di Masjid Hassanah Bolkiah, Kampung Mentiri, pada Ahad, 14 Februari 2021 selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi sama-sama mendengar Syarahan Khas berkenaan.

Tempuh ujian kehidupan dengan bermuhasabah, dekatkan diri kepada Allah



PEGAWAI Ugama, di Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang ketika ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Sewajarnya kita mengambil berat secara serius akan masalah bunuh diri dan ia perlu ditangani dengan sebaik mungkin demi mengelak isu itu menjadi suatu budaya atau jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah.

Masyarakat umum mengetahui bahawa bunuh diri ini juga bukanlah satu jalan penyelesaian yang baik, di mana penderitaan yang mendorong perbuatan bunuh diri itu bukan hanya terdapat di dunia, bahkan penderitaan menjelang kematiannya dan penderitaan yang kekal di akhirat kelak.

Menghuraikan mengenai isu tersebut, Pegawai Ugama, di Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, antara lain menjelaskan, dalam agama Islam, bukan membunuh diri sahaja haram, tetapi bercita-cita untuk mati kerana ujian yang perit juga dilanda musibah atau bala yang berat dan tidak dibenarkan sama sekali.

Hukum mencederakan diri

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Dayang Siti Juhaidah Haji Bujang**

sendiri juga, katanya, adalah haram, apatah lagi membunuh diri sendiri kerana bila waktunya kematian seseorang itu adalah hanya milik Allah Subhanahu Wata'ala. Kita sebagai hamba-Nya wajib memelihara diri kita daripada sebarang kebinasaan dan kecelakaan.

Memang sangat jelas bahawa hukum bunuh diri itu adalah haram sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya : *"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (seperti makan riba, merampas, menipu dan berjudi), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri (atau membunuh orang lain). Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu"*. (Surah An-Nisa, ayat 29)

Allah Subhanahu Wata'ala mengharamkan hamba-hamba-Nya membunuh diri dengan alasan apa pun, bahkan ia adalah berdosa besar.

Beliau juga menerangkan, antara faktor penyebab bunuh diri adalah disebabkan oleh pemikiran yang sangat singkat, yang mengatakan bahawa dengan cara membunuh diri, semua masalah dan penderitaan akan berakhir juga masalah akan terlerai sepenuhnya.

Tambahnya, mungkin juga rasa bebanan masalah yang tidak boleh diselesaikannya hingga memutuskan dengan mengakhiri hidup dan berharap dia akan bebas daripada beban masalah yang dihadapinya tanpa memikirkan kewujudan kehidupan yang lebih kekal juga abadi selepas itu.

"Mudah putus asa dengan masalah yang terjadi dalam kehidupan juga antara faktor penyebab yang boleh mendorong kepada membunuh diri, contohnya

putus asa dalam masalah rumah tangga dan putus cinta; memiliki masalah kewangan, seperti hutang keliling pinggang hingga menjerat diri sendiri; masalah kesihatan mental, seperti kemurungan; masalah ketagihan, seperti penyalahgunaan dadah dan sebagainya," katanya lagi.

Beliau menyeru, hendaklah kita beriman sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, percaya bahawa Dialah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Dia menguji kita dengan berbagai-bagai ujian itu bermakna Dia sayangkan kita dan Dia tidak menguji seseorang itu di luar batas kemampuan kita.

Bermuhasabahlah dan dekatkan diri kita kepada-Nya juga perbanyakkan bersabar dalam menempuh ujian kehidupan di dunia ini.

Carilah penyelesaian sesuatu masalah itu dengan bijak, luahkanlah masalah dan penderitaan kita itu kepada orang yang kita boleh percayai, di mana pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada menyediakan klinik-klinik psikologi, perkhidmatan kaunseling dan terapi bercakap, iaitu melalui Talian Darussalam 123.

Perlu diingat, buatlah amal kebajikan dan bacalah zikir-zikir yang boleh menepis bisikan-bisikan yang boleh mendorong kepada perbuatan bunuh diri ini agar iman kita lebih kuat menepis godaan atau bisikan yang jahat itu apabila ia datang.

Sentiasalah berfikir positif kerana setiap masalah itu pasti ada penyelesaiannya dan sudah tentu caranya dengan memiliki sifat sabar yang tinggi juga reda dengan qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala.

3 restoran gagal pohon Sijil Halal setelah 6 bulan beroperasi

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama


BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Tiga buah restoran didapati gagal untuk membuat permohonan Sijil Halal ketika operasi dijalankan, di kawasan Bandar Seri Begawan, baru-baru ini.

Operasi tersebut merupakan susulan daripada operasi yang dijalankan sebelum ini, pada 30 Julai 2020, di mana 43 buah restoran dikeluarkan Notis Arahan untuk membuat permohonan Sijil Halal dalam tempoh enam bulan setelah tamat tempoh tersebut, 14 buah restoran didapati masih gagal membuat permohonan dan diberikan surat amaran sebagai Peringatan Terakhir bagi membuat permohonan dalam tempoh tujuh hari.

Walau bagaimanapun, ketika operasi dijalankan pada 11 Februari lalu, tiga buah restoran didapati masih gagal membuat permohonan Sijil Halal setelah didapati beroperasi lebih dari enam bulan.

Kegagalan premis-premis ini membuat permohonan adalah menjadi suatu kesalahan, di bawah Bab 4 (1), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang menghendaki bagi mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan menyediakan makanan di Negara Brunei Darussalam untuk membuat permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal.

Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin menekankan dan mengingatkan kepada pengusaha-pengusaha makanan, di negara ini bahawa permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal atau Permit Halal adalah mandatori, seperti yang diperuntukkan di bawah Bab 4 (1) dan Bab 10 (1) (a), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005. Kegagalan membuat permohonan adalah menjadi kesalahan dan jika sabit boleh dikenakan denda sehingga BND8,000 atau / dan penjara sehingga dua tahun, menurut Bab 4 (5) dan Bab 10 (6), Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2017.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Dedahkan aspek keselamatan kebakaran kepada pelatih PKBN



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat



BAHAGIAN Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'G' mengadakan Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995, pengosongan bangunan dan tunjuk ajar tatacara mengendalikan alat-alat pemadam api dengan betul kepada para pelatih Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-10, pada 4 dan 11 Februari 2021 lalu (atas kiri dan atas).

TEMBURONG, Sabtu, 13 Februari. - Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'G' mengadakan Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995, pengosongan bangunan dan tunjuk ajar tatacara mengendalikan alat-alat pemadam api dengan

betul kepada 247 pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-10, pada 4 dan 11 Februari 2021 lalu.

Taklimat disampaikan oleh ASO Adanan bin Salat bersama anggota PRO dan Keselamatan Kebakaran Operasi 'G'.

Taklimat ini diterapkan sebagai salah satu pembelajaran sepanjang program tersebut bagi kesiapsiagaan mereka selepas menamatkan latihan dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya kebakaran, di samping memupuk rasa bertanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek

keselamatan kebakaran juga keselamatan mengenai cuaca yang tidak menentu. Ini termasuk tindakan dan mengetahui tatacara penggunaan alat pemadam api dengan betul.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995; dan Kursus

Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat tepat.

Rekrut SPSS tingkat kesedaran bahaya kebakaran



ANGGOTA Setia Protective Security Services (SPSS) semasa diberikan taklimat mengenai kesiapsiagaan dalam menjalankan tugas selepas menamatkan latihan dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya kebakaran (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'F' mengadakan Taklimat Keselamatan Kebakaran, Pengosongan Bangunan dan Tunjuk Ajar Tatacara Mengendalikan Alat-alat Pemadam Api dengan betul kepada 47 anggota Setia Protective Security Services (SPSS), baru-baru ini.

Taklimat ini diterapkan bagi kesiapsiagaan mereka dalam menjalankan tugas selepas menamatkan latihan dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya kebakaran,

di samping memupuk rasa bertanggungjawab juga mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan kebakaran.

Sebagai salah satu badan korporat di Negara Brunei Darussalam, Latihan Kebakaran dan Pengosongan Bangunan akan dibuat sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memastikan keselamatan awam.

Ia juga salah satu aktiviti bagi pihak SPSS untuk mengesahkan keberkesanan prosedur yang efektif dan bersistematik bagi membolehkan interaksi, kerjasama juga menguatkan perhubungan di

antara Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dan pihak Syarikat SPSS.

Di kesempatan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat tepat.





BRUNEI DARUSSALAM
2021

MENTERI-Menteri Pelancongan ASEAN telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN + 3 (China, Jepun dan Republik Korea) Ke-30; dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN dan India Ke-8 melalui persidangan video pada 2 - 5 Februari 2021. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Para Menteri mengadaptasikan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2016 - 2025 yang diperbaharui dengan rancangan dan tindakan *mitigation plans* menggunakan teknologi digital agar lebih tahan, mampan dan inklusif, dengan mengambil kira pengajaran yang diperoleh daripada wabak COVID-19 dan juga perkembangan terkini dalam industri.

Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2021 yang akan dipengerusikan oleh Kerajaan Kemboja telah dilanjutkan hingga Januari 2022 bagi membolehkan Kerajaan Kemboja menjadi tuan rumah ATF pada tahun 2022.

Peraduan Kewartawanan Sosial Belia ASEAN Ke-2, 2021 mempelawa belia 'Wartawan Sosial' mengemukakan idea esais dan kempen yang menggambarkan tema '#ASEANYouth dan TINDAK-19 - Response, Recovery, and Resilience'. Belia ASEAN yang berbakat adalah dipelawa untuk berkongsi dan mempromosikan mesej berasaskan fakta dan menarik yang mempamerkan kepentingan belia ASEAN di barisan hadapan dalam usaha memerangi pandemik penyakit koronavirus (COVID-19). Seramai 20 belia dari 10 negara ASEAN akan dipilih untuk mengambil bahagian dalam bengkel maya untuk membangunkan dan melaksanakan aktiviti kesedaran sosial di negara masing-masing.

Peraduan ini disahkan oleh Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Belia (SOMY) dan disokong oleh Yayasan ASEAN, Sekretariat ASEAN, Kedutaan Ireland, dan PROSPEK ASEAN-USAID, projek bersama Agensi Pembangunan Antarabangsa A.S. (USAID) dan Jabatan Negara AS.

Program berkualiti, holistik tingkat kebolehkerjaan pelajar

**Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Brunei Darussalam**

Dari muka 1

Program Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Am diberikan pentauliah ABET sepenuhnya tahun lalu dengan tarikh mulai Oktober 2017. Ia merupakan program pertama dan satu-satunya program kejuruteraan di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang mendapat pengiktirafan dari ABET yang berprestij, memastikan bahawa UBD memenuhi piawaian antarabangsa yang ketat untuk menghasilkan graduan yang bersedia bagi memasuki bidang teknikal utama dalam inovasi dan teknologi baharu. Ia juga diharap akan meningkatkan arus terkini kadar pekerjaan yang pada masa ini berjumlah 97 peratus.

Satu lagi jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan di UBD adalah Kejuruteraan Kimia dan Proses, yang merupakan program dengan kadar pekerjaan tertinggi di negara ini tanpa mengira disiplin dan peringkat.

Semua lulusan Kejuruteraan Kimia dan Proses UBD sejak pengambilan pelajar pertama telah diambil bekerja oleh Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. untuk mengambil pelbagai peranan dalam Kilang Pulau Muara Besar (PMB) dan projek petrokimia.

Program Sarjana Muda lain di UBD adalah di bawah Sarjana Muda Sains Kesihatan, Sarjana Muda Sains, Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Muda Perniagaan.

Sarjana Muda Sains Kesihatan mempunyai kadar pekerjaan keseluruhan 90 peratus dan menempatkan program yang mendapat permintaan tinggi seperti Perubatan, Pergigian dan Kejururawatan. Dari sini, calon pelajar akan memperoleh latihan langsung yang mencukupi dan merasakan sendiri senario dunia nyata melalui Pusat Simulasi Canggih.

UBD School of Business and Economics (UBDSBE), Ahli Persatuan Advance Collegiate



MAHASISWA-mahasiswi Geologi semasa melakukan kajian langsung semasa lawatan di lapangan (field trip).

Schools of Business (AACSB) pula menawarkan Sarjana Muda Perniagaan dengan 90 peratus pekerjaan.

Sejak 2011, Program Perakaunan dan Kewangan UBDSBE telah diakreditasi oleh profesional kelayakan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA). Keusahawanan adalah tambahan terbaharu bagi Program Sarjana Muda Perniagaan.

Sarjana dalam Ekonomi Gunaan merupakan program baharu bagi melatih pelajar dengan gabungan pengetahuan teori dan pengalaman profesional di dunia nyata untuk mempersiapkan mereka untuk pekerjaan dalam perniagaan, penyelidikan dan hubungan antarabangsa.

Sarjana Muda Sastera dengan kadar pekerjaan keseluruhan 87 peratus menawarkan sejumlah disiplin untuk tambahan terbaharu antaranya adalah Program Reka Bentuk dan Industri Kreatif Antara Disiplin.

Fakulti Sains menawarkan Sarjana Sains baharu dalam Petroleum Geosains yang menangani keperluan saintis yang telah bekerja di industri ini, bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kelayakan teknikal mereka. Pada tahun lepas, The Times Higher Education (THE) World University Rankings meletakkan UBD buat pertama kalinya pada 301-400 band di dunia untuk Sains Fizikal yang merangkumi disiplin Kimia, Fizik, Geologi dan Matematik dan Statistik, membuktikan kualiti pengajaran dan penyelidikan di fakulti berkenaan.

Daripada penyelidikan yang berkesan, sehingga hari ini, UBD telah mengajukan 60 paten di antaranya 38 diajukan di AS. Dua inovasi ini dilesenkan kepada industri tempatan masing-masing pada tahun 2018 dan 2020. Atas usaha dalam inovasi ini, UBD dianugerahkan Clarivate South and Southeast Asia Innovation Award 2020.

UBD juga menekankan dalam inkubasi khususnya, membantu pelajar mengubah idea inovatif menjadi perniagaan yang berdaya maju. Di bawah bimbingan dan sokongan daripada Entrepreneurship Village (EV), UBD menghasilkan sejumlah lebih 300 syarikat permulaan (Start-ups).

Selain itu, melalui UBD Startup Centre (USC) yang ditubuhkan pada tahun 2019, ahli alumni dapat kembali ke kampus untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih lanjut atau

sebagai mentor.

Pengalaman UBD yang lengkap menggabungkan pengajaran berkualiti tinggi, teknologi canggih, infrastruktur yang kondusif serta hubungan industri dan universiti bagi menghasilkan graduan yang sangat berkemampuan.

Ini meliputi mereka yang sudah berkhidmat pada masa ini yang ingin meningkatkan atau menyesuaikan diri untuk mengikuti perkembangan keperluan pelbagai profesi yang selalu berubah.

Modul yang ditawarkan oleh Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L) sangat sesuai untuk tujuan ini, menggunakan Blended Learning sebagai cara untuk mengurangkan gangguan terhadap kehidupan seharian. Menggabungkan sumber dalam talian selain sesi *face-to-face*, pelajar dapat belajar mengikut kadar, tempat dan memilih jalan mereka sendiri.

Bagi mengetahui bagaimana awda boleh menyertai senarai alumni yang berjaya di UBD, bolehlah menyertai Ekspo Pengajian Tinggi 2021 Secara Maya (Higher Education Virtual Expo 2021).

Ketahui lebih lanjut mengenai semua program yang ada dan berinteraksi terus dengan kakitangan fakulti melalui slot setiap jam yang dijadualkan. Layari laman sesawang <http://heexpo.moe.gov.bn/> dari 15 hingga 21 Februari untuk akses percuma ke e-Brosur dan syarat kemasukan khusus untuk setiap fakulti.

Sebagai tambahan kepada Ekspo Pengajian Tinggi 2021 Secara Maya, UBD akan mengadakan Hari Terbuka secara maya yang boleh didapati di laman sesawang <http://www.ubdopenday.com/> dari 22 hingga 28 Februari. Kampus tersebut juga akan dibuka untuk lawatan dari 24 hingga 26 Februari 2020 termasuk lawatan ke fakulti-fakulti.

Calon pelajar boleh datang ke Makmal Sunken Courtyard and Anatomy, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolikiah (PAPRSB IHS), UBD pada tarikh yang disebutkan dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Dalam mematuhi garis panduan Kementerian Kesihatan, pengunjung diminta menjalani pemeriksaan suhu, mengimbas aplikasi BruHealth sebelum masuk dan mengamalkan penjarakan sosial ketika berada di tempat berkenaan.

Didedahkan mengenai tindakan hadapi insiden kebakaran

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba
dan Penyelamat**

TUTONG, Ahad, 14 Februari. - Seramai 25 orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik mengikuti Kursus Fire Marshal

selama tiga hari bermula pada 9 hingga 11 Februari 2021 bertempat di Janakuasa Elektrik Bukit Panggal, Tutong baru-baru ini yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'E' Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Semasa kursus tersebut, para

peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran; mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara bersistematik; tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul serta tatacara untuk menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam bangunan bila berlakunya kebakaran.

Pada kesempatan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api. Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.



PARA kakitangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik semasa mengikuti Kursus Fire Marshal bertempat di Janakuasa Elektrik Bukit Panggal, Tutong.

Pupuk nilai murni, rasa tanggungjawab



KELAB Motorhead Brunei MG semasa menyumbangkan barang-barang keperluan asasi, yang disampaikan oleh ketua kelab berkenaan, Awang Haji Shamrah bin Nassir kepada ketua keluarga, Dayang Khairunnissa Viona binti Abdul Rahim, yang mewakili suami beliau, Awang Hanafi bin Haji Mohd Rozisham, yang diadakan di kediaman mereka di Kampung Bebuloh (kiri dan kanan).

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Haji Muhammad Saiful Rizal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Februari. - Dalam menanamkan nilai-nilai murni dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat khususnya terhadap keluarga yang memerlukan bantuan dan sokongan, baru-baru ini, Kelab Motorhead Brunei MG menghulurkan sumbangan kepada sebuah keluarga di Kampung

Bebuloh, di sini. Sumbangan berupa keperluan asasi itu diserahkan oleh Ketua Kelab Motorhead Brunei MG, Awang Haji Shamrah bin Nassir dan diserahkan kepada ketua keluarga, Dayang Khairunnissa Viona binti Abdul Rahim, isteri dan mewakili suami beliau, Awang Hanafi bin Haji Mohd Rozisham

yang diadakan di kediaman mereka di Kampung Bebuloh. Sumbangan hasil daripada kutipan ahli-ahli kelab tersebut merupakan salah satu aktiviti berkebakikan kelab tersebut yang akan sentiasa prihatin terhadap keluarga dan nasib insan yang memerlukan bantuan, sokongan serta di samping mendidik setiap ahli kelab tentang ganjaran yang besar dalam membantu mereka yang memerlukan sokongan selain bergiat aktif dalam bidang motosikal.

Kelab Motohead Brunei MG merupakan sebuah kelab yang mengumpulkan peminat motosikal

tempatan yang bergiat aktif dalam bidang motosikal dan ditubuhkan sejak tahun 2008 lagi.

Masakan kuetiau tepati cita rasa pelanggan



HIDANGAN Kuetiau Seria atau juga dikenali Ah Tong Kueh Tiau masih mengekalkan standardnya yang tersendiri di mana hidangan tersebut boleh dinikmati di restoran miliknya di No. 55, Jalan Bunga Kuning, Seria.

yang kecil dan nipis, keistimewaan rebusan atau kuah daging mereka yang tersendiri antara *trade mark* masakan yang hanya ada di restoran mereka.

Selain itu, antara sebab juga masakan kuetiau mereka mampu menepati cita rasa pelanggan dari dahulu sampai sekarang juga ialah sos lada dan kicap ditengah khas dan yang paling penting ialah teknik dan pengawalan api semasa proses memasak atau menggoreng kuetiau berkenaan agar tidak menjejaskan tekstur, rasa dan keenakan masakan. Beliau yang mengendalikan perniagaan lebih kurang 45 tahun itu juga menyediakan Mi Kolok (Kolo Mee) yang juga antara hidangan yang terkenal dan selalu ditempah pelanggannya.

Kini, pekerja mereka hanya empat orang sahaja dan merancang akan menambah pekerja pada masa akan datang memandangkan para pelanggan yang sering bertandang ke restoran itu dan ada kalanya menerima pengunjung yang begitu ramai dan penuh.

Bagi orang ramai yang ingin merasa keenakan kuetiau ini, bolehlah berkunjung ke Restoran Ah Tong Kueh Tiau yang dibuka setiap hari dari jam 6.00 pagi sehingga 5.00 petang kecuali Isnin dibuka sehingga jam 1.00 petang manakala Jumaat sehingga jam 12.00 tengah hari sahaja.

SERIA, Ahad, 14 Februari. - Pada ketika ini, kita dapat saksikan pelbagai jenis masakan kuetiau yang ditawarkan kepada orang ramai namun walaupun melalui perubahan zaman, hidangan Kuetiau Seria atau juga dikenali Ah Tong Kueh Tiau masih mengekalkan standardnya yang tersendiri di mana hidangan tersebut boleh dinikmati di restoran miliknya di No. 55, Jalan Bunga Kuning, di sini.

Tatkala berada di restoran tersebut, sebahagian persekitarannya masih mengekalkan identitinya tersendiri seperti cawan kaca malah apa yang menjadi satu keunikan restoran ini ialah mereka tidak menyediakan

menu makanan yang banyak dan hanya cukup sekadar menu yang sederhana dengan menyajikan sajian terkenal itu sehingga masa kini.

Pendekatan Pelita Brunei menemui bual pemilik restoran yang dulu dikenali sebagai Sin Guan Song iaitu Heng Phok Ting, 74, menyatakan sedikit latar belakang restoran yang dimiliki oleh mendiang ibu dan ayahnya yang diterajui sejak tahun 1955 lagi dengan gerai kajangnya di sekitar kawasan Lorong Tiga Seria pada ketika itu.

Beliau tidak menafikan memang semua orang boleh memasak namun apa yang istimewa dengan kuetiau mereka adalah teksturnya

Galak kanak-kanak membaca buku

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Ahad, 14 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyeru orang ramai untuk menggalakkan kanak-kanak membaca buku dan memartabatkan bahasa Melayu *kitani*.

Ke arah itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui DBP menyertai Pameran dan Jualan Buku DBP sempena Program Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani yang diadakan setiap hujung minggu di Kawasan Letak Kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pemangku Ketua Unit Pemasaran Seranta dan Perhubungan Awam, DBP, Dayang Nor Rafidah binti Haji Mokhtar semasa ditemu bual dalam pendekatan Pelita Brunei menyatakan, DBP mula menyertai pameran dan jualan tersebut sejak 23 Ogos 2020 yang lalu.

Pameran dan jualan ini jelasnya, untuk memudahkan orang ramai / pelanggan untuk mengambil buku-buku yang mereka akses menerusi laman Facebook dan Instagram DBP dan seterusnya mengambil buku itu di jualan dan pameran di sini.

Antara aktiviti yang disediakan ujananya, termasuklah jualan buku-buku DBP, di samping peraduan mewarna



PEMANGKU Ketua Unit Pemasaran Seranta dan Perhubungan Awam, DBP, Dayang Nor Rafidah binti Haji Mokhtar semasa ditemu bual.

bagi kanak-kanak sahaja. Menurut beliau lagi, DBP sebelum ini juga turut menyediakan perpustakaan bergerak di kawasan stadium berkenaan akan tetapi sambutan dari orang ramai, khususnya kanak-kanak kurang memberangsangkan.

Justeru, beliau berharap orang ramai / pelanggan yang berkunjung agar membeli buku-buku terbitan DBP dan membawa anak-anak mereka berkunjung ke pameran dan jualan tersebut yang dibukakan setiap Ahad, dari jam 6.00 pagi hingga 11.00 pagi.



ANTARA buku terbitan DBP yang dijual dan dipamerkan.

Pembubaran, Pelantikan JKTM PMAM baharu



PENGERUSI Bersama, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen semasa berucap pada majlis tersebut.

MULAUT, Sabtu, 13 Februari. - (JKTM) Pengiran Muda 'Abdul Jawatankuasa Takmir Masjid Mateen (PMAM), Kampung

Mulaut mengadakan Majlis Pembubaran JKTM bagi Sesi 2018 - 2020 dan Pelantikan JKTM PMAM bagi Sesi 2021 - 2023, di masjid berkenaan.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Pengerusi Bersama, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku Timbalan Pengerusi JKTM PMAM, antara lain menjelaskan, bahawa majlis pembubaran dan pelantikan JKTM tersebut diadakan setiap dua tahun.

Majlis berkenaan diteruskan dengan laporan kegiatan / aktiviti, disampaikan oleh Setiausaha JKTM, Awang Haji Ismail bin Haji Yusof, disusuli dengan laporan kewangan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid selaku Pengerusi JKTM dan Bendahari, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd Said.

Majlis diikuti dengan pengumuman Pembubaran JKTM PMAM bagi Sesi 2018 - 2020 oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, seterusnya pemilihan dan lantikan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen

JKTM PMAM Sesi 2021 - 2023.

Pada kali ini, Pembubaran JKTM bagi Sesi 2018 - 2020 dan Pelantikan JKTM bagi Sesi 2021-2023 bertujuan untuk melaksanakan konsep semak dan imbang (*check and balance*) terhadap amanah yang dilaksanakan oleh JKTM lama, di samping meneruskan pengimarah masjid melalui pelaksanaan program dan aktiviti.

Tujuan pembubaran dan pelantikan itu juga bagi mempertahankan kewujudan struktur organisasi berkesan dalam pentadbiran masjid melalui pelantikan JKTM, juga memberi peluang kepada kepimpinan baharu dalam mengimbangi tugas dan peranan Pegawai Hal Ehwal Masjid PMAM juga melahirkan masyarakat yang

menghormati, menghayati dan mencintai masjid.

Sementara itu, fungsi utama yang akan dilaksanakan JKTM, iaitu membantu Pegawai Masjid / Imam / Bilal dalam mentakmir masjid; meneruskan kerjasama yang terjalin dengan Majlis Perundingan Kampung (MPK) bagi melaksanakan aktiviti dan kegiatan masjid; mengurus program, aktiviti juga kegiatan masjid yang utama, seperti Majlis Bertadarus Bulan Ramadan, Majlis Dikir sempena Sambutan Maulidur Rasul, Majlis Ibadah Korban dan lain-lain; mengurus hal ehwal kebajikan masyarakat, seperti Fardu Kifayah dan lain-lain, selain menyelaras ehwal bangunan dan pemeliharaan masjid, termasuklah kelengkapan dan peralatan masjid.

5 murid cemerlang PSR 2020 diraikan



PEMANGKU Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Talib bin Haji Abu Bakar menyampaikan hadiah kepada murid cemerlang yang diraikan (atas), sementara gambar bawah, sesi bergambar ramai lima murid Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut yang menerima hadiah sebagai murid cemerlang Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2020.

BUNUT, Sabtu, 13 Februari. - Seramai lima orang murid Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut menerima hadiah sebagai murid cemerlang Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2020.

Majlis penyampaian hadiah penghargaan itu berlangsung baru-baru ini, di perpustakaan sekolah berkenaan, di sini. Projek tahunan itu dikendalikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut

bersama oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan, MPK Tasek Meradun - Bunut, MPK Madewa - Telanai.

Penyampaian hadiah cemerlang PSR itu bertujuan sebagai galakan dan penghargaan kepada murid-murid yang berjaya, di samping merupakan dorongan dan penyuntik semangat kepada murid-murid lain di sekolah tersebut yang akan menduduki Peperiksaan PSR bagi Tahun 2021.

Sebelum penyampaian hadiah, Ceramah Motivasi kepada murid-murid yang akan menduduki Peperiksaan PSR 2021, disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin, antara lain mengingatkan kepada murid-murid agar sentiasa menjaga hubungan mereka dengan Allah Subhanahu Wata'ala, ibu bapa, guru-guru dan kawan-kawan juga sentiasa menjaga solat, di samping terus berusaha dan pandai

mengatur masa mereka sendiri.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan penghargaan hadiah cemerlang, Pemangku Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Talib bin Haji Abu Bakar.

Hadir sama menyaksikan penyampaian penghargaan itu, termasuklah Guru Besar Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut, Dayang Rosinah binti Haji Ibrahim; Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Haji Durahim bin Hassan; Pemangku Ketua Kampung Tasek Meradun - Bunut, Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Matarsad; Pemangku Ketua Kampung Madewa - Telanai, Awang Haji Jumat bin Haji Salleh; Pengerusi PIBG, Dayang Siti Susianty binti



CERAMAH Motivasi kepada murid-murid yang akan menduduki Peperiksaan PSR 2021, disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin.

Haji Metussin; ibu bapa; dan penjaga murid-murid.



MEMPERKENALKAN LAMAM MEDIA SOSIAL BAHARU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei



Jangan lupa untuk *like* dan *follow* laman media sosial kami

2 usahawan belia kongsi pengalaman



PARA Ahli Majlis Perundangan Kampung (MPK) Jerudong 'B' mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Arves Management and Services, terletak di Kampung Batang Perhentian, Wasan yang mengusahakan tanaman hidroponik (salad), di rumah pelindung hujan (atas), sementara gambar atas kanan dan bawah kanan, penyampaian cenderamata kenangan kepada belia-belia berkenaan disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Riani Rahman

WASAN, Sabtu, 13 Februari. - 'Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan'. Demikian perumpamaan yang digambarkan kepada belia-belia tempatan yang berkecimpung dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di



ANTARA jenis kulat yang diusahakan.

negara ini.

Salah seorang belia, Awang Ayub bin Haji Zaili, 23 tahun, merupakan bekas penuntut IBTE Kampus Agro-Teknologi, Wasan dan kini menjalankan perusahaan tanaman hidroponik sejak tahun 2017.

Ikon belia berniaga ini menarik minat sekumpulan Ahli Majlis Perundangan Kampung (MPK) Jerudong 'B' untuk meninjau lebih dekat perusahaannya.

Sehubungan itu, lebih 20 Ahli MPK Jerudong 'B' mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Arves Management and Services, terletak di Kampung Batang Perhentian, Wasan.

Tanaman hidroponik (salad), di rumah pelindung hujan, menjadi mata pencariannya dan berupaya memperoleh lebih BND1,000 semusim (sekali tuaian) bagi kedua-dua rumah pelindung hujannya.

Semasa lawatan, rombongan mendengar perkongsian mengenai bahan asas, cara penanaman, penjagaan dan cara penuaian.

Menurut Awang Ayub, benih

salad dicambah di atas span basah selama dua minggu sebelum dipindahkan ke rumah pelindung hujan dan mengambil masa empat minggu lagi untuk membesar juga dituai.

Salad bebas racun ini dipasarkan kira-kira BND15 sekilogram dan mempunyai penggemarnya yang tersendiri.

Program Lawatan Sambil Belajar ini diteruskan ke Perusahaan El Bousthan, iaitu Perusahaan Cendawan Tiram Kelabu atau lebih mudah disebut dengan Kulat Tiram Kelabu.

Perusahaan ini mampu memberikan pulangan pendapatan yang baik, di mana kunci utama adalah mengetahui teknik penanaman dan pengurusan yang betul.

Meski mengusahakan dalam skala yang kecil, ilmu pengetahuan itu adalah penting agar dapat menuai hasil yang memberangsangkan.

Bagi Awang Ahmad Faiz bin Haji Abd. Rahim, seorang anak tempatan yang memulakan perusahaan menanam Kulat Tiram, pada tahun 2015 secara konvensional, akhirnya pada tahun 2018, beliau mampu menghasilkan bongkah kulat sendiri, sekali gus



berupaya menyediakan 1,000 bongkah dalam tempoh satu jam.

Menurut beliau, bongkah perlu disimpan di kawasan yang terlindung dengan hanya memerlukan 20 hingga 25 peratus cahaya matahari.

Program anjuran Biro Penerangan dan Biro wanita ini dihasrat dapat memberi pendedahan kepada ahli mengenai perusahaan anak-anak tempatan di negara ini yang dapat diceburi.

Pada masa yang sama,

program ini dapat mempromosi perusahaan-perusahaan belia-belia berkenaan.

Ketika ditanya mengenai hasil tinjauan, rata-rata Ahli MPK Jerudong 'B' berminat untuk menceburinya.

Lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kenangan kepada belia-belia berkenaan, disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang.

PDS pastikan bekalan daging mencukupi

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Sejak kebelakangan ini, isu kekurangan bekalan daging membuatkan harga melonjak naik di pasaran, berikutan permintaan yang begitu banyak, terutama pada situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia sekarang.

Dalam hal ini, PDS Abattoir Sdn. Bhd. (Syarikat PDS) mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkepentingan, seperti Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Bahagian Kawalan Makanan Halal, pihak pengimport daging, gedung-gedung perniagaan dan pengusaha-pengusaha makanan bagi memastikan jaminan makanan (*food security*) bagi bekalan daging di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah mencukupi melalui peningkatan dari segi kapasiti pengeluaran,

penambahan tenaga kerja dan operasi logistik.

Pengurus Am Syarikat PDS, Awang Haji Muhammad Sabirin bin Haji Othman ketika ditemui, antara lain menyatakan, rantaian bekalan global bagi produk agrimakanan, termasuk bekalan daging adalah terjejas dan sedang mengalami impak yang negatif sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.

Daripada itu, proses untuk mendapatkan bekalan dan khidmat penghantaran lembu menjadi lebih mencabar, terutamanya bagi Syarikat PDS.

Syarikat PDS adalah sebuah anak syarikat, di bawah kumpulan syarikat-syarikat Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan mula beroperasi sejak tahun 1998 sebagai pengimport utama lembu hidup, pembekal daging segar dan beku juga pengeluar

produk-produk berasaskan daging.

Menurutnya lagi, Syarikat PDS mempunyai pengalaman yang luas dalam industri agrimakanan dengan memastikan pengeluaran produk berkualiti, yang selaras dengan garis padu persijilan Brunei Halal, Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) dan Veterinary Inspection Criteria.

"Kita sedia maklum sekarang negara kita seperti yang diviralkan bahawa untuk mendapatkan ayam pedaging, daging dan juga daging kambing adalah begitu terhad, mungkin pihak PDS cuba untuk mendapatkan stok lebih banyak demi keperluan penduduk di negara ini."

"Dengan meningkatnya permintaan pasaran tempatan yang tinggi, Syarikat PDS berperanan bagi memastikan bekalan daging di negara ini mencukupi dan stabil mengikut permintaan pasaran. Sehubungan itu, Syarikat PDS telah pun mendapat jaminan

bekalan dan penghantaran lembu bagi suku pertama tahun 2021," tambahnya lagi.

Selain itu, Syarikat PDS juga, katanya, telah mengimport kambing dari negara jiran pada hujung tahun 2020 bagi menampung kekurangan bekalan daging kambing di NBD.

Awang Haji Muhammad Sabirin seterusnya menegaskan, Syarikat PDS akan sentiasa memastikan untuk menghasilkan dan membekalkan produk yang berkualiti dengan mengikut garis pandu yang dikeluarkan melalui Persijilan Brunei Halal, HACCP dan Veterinary Inspection Criteria.

Menyentuh inisiatif dan perancangan akan datang, beliau mengongsikan beberapa rancangan masa hadapan yang dikenal pasti, namun fokus utama bagi Syarikat PDS, pada masa ini adalah untuk memenuhi permintaan bekalan daging berkualiti di pasaran tempatan



PENGURUS Am Syarikat PDS, Awang Haji Muhammad Sabirin bin Haji Othman ketika ditemu bual.

sepanjang masa pandemik COVID-19.

Dengan itu, Syarikat PDS akan terus mengimport lembu hidup bagi memastikan bekalan daging di negara ini mencukupi.



لواسن رحمة دان أمقونن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

مك دوسان اكن دهافوس، مسكيقون سبايق بويه لاوتن. {حديث رواية إمام بخاري}

سلاين ايت، تردافة جوك عملن يغ دأجاركن اوله نبي ﷺ يغ سكيران دباچ مك واجب باكين ماسوق كشرن. درقد أبو سعاد الخديري رحمه الله مغانكن بهوا رسول الله ﷺ برسيدا يغ برمقصود: بارغسياف يغ مغانكن:

رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا وَجَبْتُ لَهُ الْجَنَّةَ

أرتين:

أكو رضا الله سباكي توهنكو، إسلام سباكي أكامكو دان محمد سباكي رسول، مك واجب باكين اتوق ماسوق شرك. {حديث رواية إمام أبو داود}

أخيرن، سلاكي كيت ماسيه دبيري فلوغ اتوق برنفس، فوهونله توبة دان كامقونن درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سلوم تلمبت كران أجل موت ايت بوله داتغ منجمقوت قد بيلا-بيلا ماس سهاج. جاغلنه كيت مالو، تاكوت اتوقون سومبوغ اتوق برتوبه مكاكوي سكل كسلاهن دان كسلافن يغ تله دلاكوكن. سام-سامله كيت بردعاء سموك كيت ترماسوق دالم كولوغن مريك يغ سنتياس برتوبه دان دترما توبتن دسيسا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سرت دماسوقكن كدالم شرك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن رحمتن جوا. آمين يا رَبَّ العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي فَقَفَرْتُ لَهُ

إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{سورة القصص آية ١٦}

تفسيرن:

دي بردعاء: "يا توهنكو! مسغكوهن أكو تله منظالي ديريكو سنديري مك أمقونيله أكو، لالو الله فون مغامقونين. مسغكوهن ديهاله يغ مها فغامقون لاکي مها فغاسيه.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِيجَابَةِ النَّائِبِينَ.

جماعه يغ درحمي الله،

توبه ايت بوكن هان سقدر مغوجفكن دغن لیده كلمة إستغفار سدغ هاتي كيت تيدق فرنه ميسل دان تيدق ماهو برجنجي اتوق منجوهكن دبيري اتو برهنني درقد ملاكوكن قربواتن دوسا دان معصية. قارا علماء تله منجلسكن بهوا تردافة يراف شرط توبه يغ مسني دقنوهي. اوله يغ دمكين، سكيران دوسا يغ ترجادي ايت برهوبوغ دغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، ملك شرط برتوبتن اد تيك، يايث:

فرتام: منيكلكن قربواتن دوسا دان معصية ايت دغن سكر.

كدوا: ميسالي سكل دوسا يغ تله دلاكوكن.

كيك: برتيكد دان برعزم اتوق تيدق اكن كمبالي ملاكوكن قربواتن دوسا دان معصية ايت.

والو باكيمافقون جك دوسا يغ اد سغكوت فاوتن دغن سسام مأنسي سقرت ممفتنه، منظالي اورغ، مرمقس هرتا بندا دان يغ ساومقام دغنن، مك شرط برتوبتن ايت دغبه لاکي ساتو فرکارا يايث:

كامقت: هندقله سستورغ ايت موهون كمعافن درقد فيلق يغ دظالمي، مغباليكن حق يغ تله دامبيل اتو يغتله درمقس ايت دغن مغكتيكن بارغ دان هرتا يغ تله درامقس ايت اتوقون ميتنا دحلالكن درقد فميليكن.

سسغكوهن رامي دكالغن كيت يغ مكاكو مغنل الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان تاكوت اكن سيقسان، اكن تنافي ماسيه رامي جوك يغ لالي دان ألفا سهيغك براني مندرهكا كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن ملاكوكن قربواتن منكر، معصية دان دوسا، باكيكن تيدق تاكوت اكن عذاب الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. قولو دكتهوي، بهوا سيقسا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت أمة برت. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة المائدة آية ٩٨:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ وَأَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسيرن:

كهويله، بهوا سسغكوهن الله ساغة برت سيقسان دان بهوا سسغكوهن الله مها فغامقون لاکي مها فغاسيه.

جماعه يغ درحمي الله،

أكام كيت اد مجاكرن جارا اتوق منجرنيه دان مبرسيهكن جيوا أكو تيدق ترجق كمبالي ملاكوكن قربواتن دوسا ستله برتوبه. اتاران ايله دغن مغهيندري تمقت-تمقت معصية، ملاوان فوجوكن شيطان دان هاوا نفسو، سنتياس ميسل ترهادف دوسا يغ لالو، إستقامه، ممبرياقكن إستغفار، بايق ملاكوكن عمل صالح، بايق بردعاء دان سنتياس محاسبة دبيري.

رسول الله ﷺ دالم حديث بکندا اد مبريتاهو مغناي ساتو عملن يغ جك دباچ سبايق سراتوس کالي دالم سهار، مک دوسا سستورغ ايت اکن دهافوسکن، مسکيقون سبايق بويه لاوتن. درقد أبو هريرة رحمه الله رسول الله ﷺ برسيدا يغ برمقصود: بارغ سياف مباح: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ (مها سوجي الله دان سکل فوجي باکين) سراتوس کالي دالم سهار،

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن سبئر-بئر تقوى يايث دغن منيغشکن کلیمان کقدان. مسغکوهن اورغ يغ فالیغ مليا دسيسا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فالیغ برتقوى. مدهمداهن کيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، برأوله کحيان دان کسلامن دنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة المائدة آية ٣٩:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ

إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

تفسيرن:

مک سسياف يغ برتوبه سسوده ملاكوكن کجاهن ايت دان ممقربايکي دبيري مک سسغکوهن الله منرما توبتن. سسغکوهن الله مها فغامقون لاکي مها فغاسيه.

جماعه يغ درحمي الله،

صفة مأنسي ايت تيدق فرنه سوبي دان ترلفس درقد بمبوات دوسا، کسلاهن دان کسلافن، سعاد دلاکوکن دغن سغهاج اتوقون تيدق. سسغکوهن أمقونن دان رحمة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت أمة لواس. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سنتياس بمبوکا فينتو توبتن باکي اورغ-اورغ يغ ماهو برتوبه.

اوله ايت، اورغ يغ تله سدر دان إنصاف اکن سکل کسلاهن دان کسلافن يغ تله دلاکوکن، مک مريك هندقله ميکارن توبه تنقا برتغکو-تغکو کران الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اکن سنتياس منرما توبه هميا-هميان، سلاکي پاوا سستورغ ايت ماسيه بلوم سمقي دکروغکوغن. درقد ابن عمر رحمه الله رسول الله ﷺ برسيدا:

إِنَّ اللَّهَ يَقْبَلُ تَوْبَةَ الْعَبْدِ مَا لَمْ يُغْرَرْ

مقصودن:

سسغکوهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تنف منرما توبه سستورغ هميان، سلاما پاوان بلوم سمقي دکروغکوغن. {حديث رواية إمام ترمذي}

جوسرو، أوسه کيت فيکيرکن بتاف بسر اتو بايقن دوسا يغ فرنه کيت لاکوکن اکن تنافي کيت ليهنله فد لواسن رحمة دان أمقونن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کقد هميا-هميان يغ إيقين برتوبه دان ممقربايکي دبيري سنديري. درقد انس بن مالک رحمه الله، أكو مندغر رسول الله ﷺ برسيدا: الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان: واهي أنق آدم، سسغکوهن اقبيل أغکو موهون دان مغيراف کقدکو، نسجاي أكو أمقوني دوسا-دوسا مو يغ لالو دان أكو تيدق قدولي. واهي أنق آدم، ساندین دوسا-دوسا مو منجاي أوان-أوان دلاغيت، کمودين أغکو موهون کامقونن کقدکو نسجاي أكو مغامقونيمو دان أكو تيدق قدولي. واهي أنق آدم، سسغکوهن جک أغکو داتغ کقدکو دغن دوسا-دوسا يغ مموهي بومي کمودين کامو منمويکو دالم کادان تيدق ميکوونکنکو دغن سسوات فون، نسجاي أكو داتغنن اتوقمو أمقونن سقنوه بومي قول. {حديث قدسي رواية إمام ترمذي}

Penderma darah hendaklah dalam keadaan sihat

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Menderma darah adalah sumbangan individu yang sangat penting kepada masyarakat, terutama dalam membantu para pesakit yang memerlukan pemindahan darah.

Sehubungan itu, Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sentiasa menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan Kempen Derma Darah untuk membantu menambah tabung darah, di samping bagi memastikan ketersediaan bekalan darah yang selamat dan boleh dipercayai.

Bagaimanapun, tidak semua individu yang ingin menderma darah dapat melakukannya kerana para penderma hendaklah berada dalam keadaan yang sihat dan bebas daripada selesema, demam panas dan penyakit-penyakit lain.

Para penderma juga hendaklah

berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 45 kilogram.

Sebelum menderma darah, para penderma dinasihatkan untuk meminum air yang banyak juga mendapatkan tidur dan rehat yang cukup sehari sebelum.

Di samping itu, para penderma juga dinasihatkan untuk mengambil makanan yang sihat dua hingga tiga jam sebelum menderma darah.

Para kakitangan Pusat Pendermaan Darah akan membuat pemeriksaan terhadap para penderma terlebih dahulu, seperti bacaan tekanan darah dan

GAMBAR Hiasan ... Para penderma darah akan diperiksa terlebih dahulu, seperti bacaan tekanan darah dan kandungan darah (*hemoglobin*), selain ditanya beberapa soalan peribadi mengenai kesihatan mereka.

kandungan darah (*hemoglobin*), selain ditanya beberapa soalan peribadi mengenai kesihatan mereka.

Dalam masa 24 jam selepas menderma, para penderma perlu melebihi minum air dan tidak boleh melakukan kerja berat.

Untuk mengetahui maklumat-maklumat lanjut dan terkini mengenai aktiviti Pusat Pendermaan Darah, orang ramai bolehlah mengikuti Facebook : *blood bank RIPAS - brunei* atau Instagram *@bloodbank_ripas*.



GAMBAR Hiasan ... Menderma darah adalah sumbangan individu yang sangat penting kepada masyarakat terutama dalam membantu para pesakit yang memerlukan pemindahan darah.

COVID-19 : 6 kes aktif

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) alhamdulillah mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 184 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD

mencatatkan 283 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, enam kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 43 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 175 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 621 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,874 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 306 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 95,559 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	184		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	6	3	175

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (283 hari yang lalu)	43 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
621	12,874

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
306 sampel	95,559



Sebagai Majikan, Awda perlu:

1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

4 LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5 PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarentin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkap tempoh kuarentin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

123 www.moh.gov.bn

IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN daripada pelajar yang mengikuti Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Tanjong Maya. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

BOLKIAH Donation Drive yang dikelolakan oleh Big BWN Project bersama mahasiswa-mahasiswi Program Communiti Outreach Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 3 hingga 5 Februari 2021 yang lalu menerima respons yang menggalakkan daripada orang ramai. Ia merupakan satu projek amal untuk memudahkan orang ramai yang ingin menyumbangkan barangan terpakai atau yang belum digunakan seperti pakaian kanak-kanak dan dewasa lelaki dan perempuan, kasut, peralatan tulis, buku-buku, barang permainan dan sebagainya. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

PROGRAM Berdudun ke Kampung Sungai Bunga bagi mengalami, mempelajari dan menyaksikan sendiri tunjuk cara pemprosesan beberapa jenis produk makanan daripada Ahli-ahli MPK Sungai Bunga yang diadakan di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, Kampung Sungai Bunga. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SKUAD bola sepak kebangsaan kini memulakan corak latihan permainan di bawah pimpinan dan latihan Datuk K. Rajagopal bagi musim baharu bermula tahun 2021. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

SEBAHAGIAN daripada 20 orang peserta terdiri daripada SMARTER Brunei dan Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam menyertai Bengkel Lukisan bertempat di Galeri Jo Art, Bangunan Fitness Zone, Kampung Kiulap. - Foto : Aimi Sani.

MALAM Anugerah Express E-Hits yang julung kalinya dianjurkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) berlangsung di Dewan Raya, RTB di ibu negara secara tertutup. Anugerah ini merupakan satu usaha berterusan RTB untuk mendukung industri seni tanah air dan mengangkat bakat-bakat tempatan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



قلیپے Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

JUBLI NILAM PELITA BRUNEI

"Saya sangat sukachita mengetahui yang Pejabat Penerangan kita telah mengeluarkan berita Kerajaan "Pelita Brunei" yang akan dapat dibaca oleh penduduk2 Negeri, terutama oleh penduduk2 yang jauh dari pekan2, yang diam didarat2 dan diulu2. Saya perchaya berita yang dapat mencheritakan perjalanan dan usaha2 Kerajaan dari satu masa kasatu masa akan memberi peluang kepada penduduk2 semua mengikuti atas keadaan kemajuan Negeri, dan perkhidmatan2 yang dijalankan bagi kebajikan mereka.

"Saya sangat sukachita dapat peluang menyampaikan amanah kepada sekalian penduduk2 negeri yang dikasehi menerusi keluaran "Pelita Brunei" ini. Ini adalah lagi satu daripada usaha2 perkhidmatan Kerajaan dalam perkara memberi penerangan kepada ramai, dan saya berharap mudah2an maju dan jaya "Pelita Brunei" dalam usahanya."

TITAH AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL
KHAIRI WADDIEN SEMPENNA PENERBITAN
PELITA BRUNEI,
15 FEBRUARI 1956

AKHBAR rasmi kerajaan, Pelita Brunei diterbitkan dengan hasrat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28 agar penduduk-penduduk di negara ini, terutama bagi yang tinggal jauh di pekan-pekan, darat mahupun ulu-ulu dapat membaca berita-berita mengenai kerajaan. Ia adalah untuk menceritakan perjalanan dan usaha-usaha kerajaan serta memberikan peluang kepada penduduk dan rakyat di negara ini untuk mengikuti kemajuan negara, dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk kebajikan mereka.



Sejarah perkembangan Pelita Brunei

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan



PADA Rabu, 15 Februari 1956 tercatat dalam sejarah penerbitan apabila Pelita Brunei diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei dalam bentuk siklostil (*syslostyled*) setebal 19 halaman termasuk halaman depan yang mengandungi senarai kandungan dan menggunakan mesin taip untuk membentuk huruf.

Edisi pertama akhbar ini dicetak sebanyak 300 naskhah dan diedarkan secara percuma. Kandungannya antara lain meliputi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; ucap selamat Residen British di Brunei kepada Pelita Brunei; berita mengenai beberapa orang penuntut Brunei yang belajar di England dan Australia; penubuhan Pusat Latihan Guru-Guru Melayu Negeri Brunei; dan keputusan peperiksaan Sarawak Junior Certificate.

Nama Pelita Brunei

Nama 'Pelita' diambil dari perkataan pelita (lampu) yang berfungsi untuk menerangi kegelapan di sekeliling. Sebelum kewujudan Pelita Brunei, kebanyakan tempat di pedalaman dan kawasan yang sukar dihubungi masih belum tahu mengenai kerajaan, pemerintahan dan dasar-dasar kerajaan dan betapa perlunya kerajaan dibantu oleh orang ramai. Tegasnya, akhbar ini lebih banyak berfungsi untuk memberi pengertian, penjelasan tentang apa kerajaan itu dan peranan rakyat terhadap kerajaan dan kerajaan terhadap rakyat. Manakala perkataan 'Brunei' itu pula bermaksud rakyat atau orang ramai yang merupakan kumpulan sasaran akhbar ini.

Tujuan Penerbitan

Penerbitan Pelita Brunei bertujuan bagi memberi maklumat kepada orang ramai mengenai rancangan dan matlamat pembangunan negara, dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan kehidupan rakyat sejagat, pengumuman-pengumuman penting serta apa juga perubahan yang berhubung kait dengan kepentingan negara dan orang ramai.

Tegasnya, akhbar ini dipertanggungjawabkan untuk memberi kefahaman yang betul mengenai rancangan kerajaan bagi mengelakkan

prasangka dan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan.

Meniti Perjalanan Akhbar Pelita Brunei

Setelah terbitan sulung pada 15 Februari 1956, Pelita Brunei menempuhi laluan panjang hingga tetap bertahan sehingga ke hari ini. Pelbagai perubahan dan peristiwa penting mewarnai Pelita Brunei tetapi tetap relevan dalam menyampaikan maklumat kepada seluruh masyarakat di negara ini. Antaranya ialah mulai keluaran 1 November 1957, akhbar ini telah memuatkan empat keping gambar menggunakan kaedah *block*.

Pada 18 Februari 1959, akhbar ini dicetak seminggu sekali setebal lapan halaman dalam ukuran 9 inci x 14 inci (lebih kecil dari bentuk tabloid) dengan menggunakan mesin cetak jenis Linotype di Brunei Press Ltd., Kuala Belait sehingga tahun 1964.

Dalam tahun 1965, akhbar ini dicetak di The Star Press Company, Bandar Brunei bermula 9 Julai 1965.

Mulai 14 Januari 1976, percetakan akhbar ini diambil alih oleh Jabatan Percetakan Kerajaan menggunakan mesin pencetak Offset. Mutu percetakan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dalam tahun 1983, percetakan akhbar ini mulai menggunakan Web Offset.

Sejak penerbitan edisi pertama, akhbar ini menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu. Pada 6 Januari 1961, satu muka surat daripada akhbar ini diterbitkan dalam bahasa Cina yang dikenali sebagai 'Pai li ta pao' atau 'Bai li da bao' bagi keperluan masyarakat Cina di negara ini. Versi bahasa Cina diberhentikan pada awal 80-an dan digantikan dengan penerbitan dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun penerbitan dalam bahasa Inggeris juga diberhentikan pada 24 September 1980.

Mulai 3 Januari 1990, kandungan akhbar ini dibahagikan kepada dua edisi iaitu edisi Induk dan edisi Aneka. Edisi Induk memuatkan berita-berita semasa. Manakala edisi Aneka pula memuatkan rencana umum, Khutbah Jumaat, Irsyad Hukum, Ruangan Cerpen, Puisi, Sastera dan Budaya, Rancangan Radio dan Televisyen, Jawatan Kosong dan Tawaran

(*tender*). Mulai tahun 2005, beberapa ruangan baharu diadakan seperti Fokus, Lensa Pelita, Ristaan, Teropong Pelita, ASEAN, Remaja, Bicara IT, Sudut Perkhidmatan Awam, Menjana Kesihatan dan pelbagai lagi.

Sepanjang perjalanan 65 tahun, Pelita Brunei telah menambah ruang-ruang yang sedia ada seperti Minda Pembaca; Kenali Bahasa Kitani; Tip Pendidikan; Tip Kesihatan; Belia Berwawasan; Tahukah Awda; Warisan; Selera Kampung Kitani; Apa Pendapat Biskita?; Info Sukan; Alai Pintar; Info Teknologi; Lensa Pelajar; Fokus Sukan; Industri Kotej; Ristaan Pelita Brunei 60 Tahun; Imbasan Mingguan; Dari Mahkamah; dan Destinasi Pelancongan.

Pelita Brunei kekal relevan hingga ke hari ini dengan penambahan ruangan-ruangan baharu dan perubahan *masthead* atau nama akhbar Pelita Brunei dari segi penggunaan mohor kerajaan, warna, logo, tulisan Jawi dan latar belakang bercorak *air mulih*. Setiap reka bentuk nama akhbar mengekalkan penggunaan mohor kerajaan sejak tahun 1961. Di sepanjang penerbitannya bermula 1956 hingga 2020, Pelita Brunei telah menggunakan tidak kurang dari 19 *masthead* yang berbeza.

Logo Pelita Brunei 'Akhbar Rasmi Kerajaan Brunei' mula digunakan pada 1985 dan pada 1987 diubah menjadi 'Akhbar Rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam'.

Pada 1985 penggunaan tulisan Jawi bagi perkataan Pelita Brunei berwarna kuning

juga mula dimasukkan dalam nama akhbar Pelita Brunei, di samping tulisan Rumi perkataan 'Pelita Brunei'.

Pelita Brunei kini berkembang selaras dengan teknologi kini yang lebih canggih sesuai dengan kerja-kerja penerbitan. Jika pada awal penerbitan Pelita Brunei hanya menggunakan siklostil, kini Pelita Brunei dapat berbangga dengan teknologi moden iaitu menggunakan sistem GN3 dan tidak lama lagi akan diganti dengan GN4. Kemudahan ini secara tidak langsung menunjukkan proses penerbitan yang lebih efisien sesuai dengan dunia penerbitan masa kini yang lebih canggih dan eksklusif.

Pelita Brunei juga kini semakin membesar apabila dibahagikan kepada dua seksyen iaitu Seksyen Berita dan Seksyen Kandungan Khas. Seksyen Berita berkisar mengenai liputan manakala Seksyen Kandungan Khas mengenai rencana dan juga ruang-ruang. Dengan adanya Pelita Brunei menjadi dua bahagian, ia menjadi lebih mantap, teratur bahkan lebih eksklusif kerana setiap seksyen berusaha memberi yang terbaik dalam pengisian Pelita Brunei.

Ke muka 3





Dari muka 2

Aliran Kerja Pelita Brunei

Berita merupakan bahan pengisian utama dalam Pelita Brunei. Setiap bahan berita sama ada berbentuk liputan acara-acara rasmi mahupun berita susulan diterima oleh Bahagian Pengurusan Jabatan Penerangan untuk diaturnya pemberita dan jurugambar yang membuat liputan.

Para pemberita dan jurugambar menerima tugas melalui e-mel masing-masing.

Sebaik sahaja selesai para pemberita mendapat bahan dari lokasi sama ada berbentuk *press release*, teks ucapan atau temu bual, proses mengarang berita pun bermula yang kemudian die-mel ke pelita.brunei@information.gov.bn. Dalam hal ini, pemberita perlu tahu dan peka bagaimana untuk mengolah berita agar tidak bertentangan dengan etika kewartawanan di negara ini.

Bagi berita-berita yang telah die-melkan ke pelita.brunei@information.gov.bn, para penyemak akan memuat turun berita-berita tersebut dan dimasukkan ke dalam sistem tera iaitu Ted, untuk proses penyuntingan. Proses penyuntingan terlebih dahulu dibuat oleh Penolong Penyunting Tingkat II yang kemudiannya akan disunting lagi oleh Penolong Penyunting Tingkat I.

Setelah itu bahan berita akan disemak oleh para penyemak. Semakan adalah merangkumi ejaan dan terasul. Di sinilah para penyemak dan penyunting bertanggungjawab dalam tugas mereka dengan teliti dan peka untuk memastikan tidak ada kesalahan dalam ejaan mahupun protokol.

Setelah selesai penyemakan, semakan

terakhir (*final check*) akan dilaksanakan mengikut Ketua Meja masing-masing.

Dalam masa yang sama, gambar-gambar yang telah diupload oleh jurugambar di laman sesawang Infototo www.infototo.gov.bn akan dimuat turun oleh Juruteknik Foto untuk disimpan di dalam server 'W' mengikut *folder* tarikh yang disediakan. Foto ini juga disimpan didalam sistem Tera iaitu Shell berserta dengan kapsyen gambar yang disediakan oleh jurugambar. Kapsyen gambar-gambar ini juga akan disunting oleh para penyunting agar selaras dengan bahan berita. Perlu juga dipastikan bahawa setiap gambar yang bakal digunakan pada Pelita Online telah pun dibubuh *watermark* Jabatan Penerangan, sementara gambar-gambar yang digunakan didalam versi cetak hendaklah dalam saiz dan cerah yang bersesuaian, dan dalam *mode* CMYK.

Sementara pihak jurugambar pula akan memuat naik gambar-gambar pada laman sesawang.

Selepas itu bahan berita dan gambar-gambar ini akan diproses untuk terbitan di Pelita Online dan *layout* untuk Pelita Brunei edisi cetak.

Selain itu, kedudukan berita pada muka surat tertentu juga diambil kira di mana susunan berita adalah mengikut protokol dan berita utama akan diletakkan pada muka hadapan dan seterusnya.

Lazimnya, *dummy* Pelita Brunei edisi cetak akan dibincangkan dalam Mesyuarat Editorial dan akan mengubah mana-mana reka letak yang perlu dan dipersetujui.

Bahan-bahan yang telah direka letak di dalam Pelita Brunei edisi cetak juga akan disemak yang merangkumi dari segi ejaan, terasul, *font format*, *breaking* dan *spacing*.

Selain itu, semakan gambar dan kapsyen turut dilakukan mengikut kesesuaian reka letak dan pada berita yang betul.

Reka letak yang dihasilkan akan

dihadapkan kepada Pemangku Pengarah Penerangan untuk sebarang pandangan dan penambahbaikan. Sebarang perubahan akan dilaksanakan oleh Ketua Meja Reka Kreatif dan para pereka yang bertugas.

Segala perubahan yang dibuat akan disemak oleh para penyemak yang bertugas dan sebelum dihantar ke Print Plus Sdn. Bhd., semakan akhir akan dibuat oleh Ketua Bahagian Pelita Brunei dan Ketua-ketua Meja yang bertugas.

Setelah itu, PDF bagi Pelita Brunei edisi cetak dihantar ke Print Plus Sdn. Bhd. menggunakan Google Drive.

Ruang Iklan

Salah satu inisiatif Jabatan Penerangan melalui Pelita Brunei ialah pengiklanan secara berbayar di akhbar Pelita Brunei untuk syarikat-syarikat swasta dan persendirian. Penjualan ruang iklan sebanyak dua muka surat dalam akhbar Pelita Brunei tiga kali seminggu.

Inisiatif ini dihasratkan bagi menambah sumber ekonomi negara dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus fiskal. Ia juga sebagai platform kepada anak-anak tempatan terutama pengusaha untuk memperkukuh sumber ekonomi masing-masing.

Dengan adanya pengiklanan ini, ia juga dapat mendukung usaha, produk dan perkhidmatan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) yang dijalankan oleh warga tempatan di negara ini. Ia juga adalah sebagai pemudah cara kepada pengusaha tempatan untuk menjana dan mengembangkan perusahaan mereka di samping membuka peluang pekerjaan.

Ruang ini dapat memberikan pendedahan dan idea baharu untuk meningkatkan perniagaan kepada tahap yang lebih baik dan memberi persaingan yang sihat kepada perkhidmatan perusahaan tempatan (contoh cuci kereta, katering, potong rumput, kelas tuisyen / mengaji yang dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan / Kementerian Hal Ehwal Ugama dan perkhidmatan membersih rumah oleh anak tempatan).

Penerbitan Akhbar

Akhbar Pelita Brunei pada awalnya diterbitkan setiap Rabu bagi memberi masa yang cukup untuk akhbar ini sampai kepada kumpulan sasaran terutama rakyat di pedalaman pada hujung minggu. Kini Pelita Brunei dicetak sejumlah lebih 8,000 naskhah setiap minggu. Diedarkan dalam dan luar negeri.

Perkembangan Pelita Brunei semakin meningkat dengan penerbitan tiga kali seminggu iaitu edisi Isnin, Rabu dan Sabtu dengan jumlah cetakan 8,000 memandangkan wujudnya versi Pelita Brunei Online. Diterbitkan dan dicetak setiap Isnin, Rabu dan Sabtu termasuk e-Paper - www.epaper.pelita.brunei.gov.bn

Pelita Brunei terus berkembang dengan kewujudan Pelita Brunei versi Online atau dikenali dengan 'Pelita Brunei Online'

sejajar dengan perkembangan pesat dunia ICT. Ia dihasratkan sebagai memperluas jangkauan sehingga kepada pembaca luar negeri dan dunia. Ia juga dihasratkan untuk mengesankan lagi peranan dan fungsinya sebagai mata, lidah dan telinga kerajaan. Menerbitkan berita untuk dimuat naik setiap hari ke Pelita Online - www.pelita.brunei.gov.bn

Inisiatif terbaharu Jabatan Penerangan ialah memuat naik berita utama setiap hari ke aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan - *InfoDeptBN*.

Pelita Brunei Dalam Meniti Arus Cabaran Akhbar

Satu usia yang dianggap matang bahkan boleh diibaratkan seperti warga emas yang sudah berpencen, begitulah juga dengan Pelita Brunei. Dalam usia 65 tahun, Pelita Brunei telah banyak menghadapi cabaran dan rintangan tetapi masih mampu bertahan sehingga kini. Semua ini adalah atas dasar kerjasama serta muafakat dalam keluarga Pelita Brunei sehingga mampu berdiri megah hingga ke saat ini. Siapakah mereka di belakang tabir yang berupaya mengukuhkan penerbitan akhbar rasmi di negara ini?

Keupayaan, kemampuan, kebolehan, kesabaran serta komited menjadi acuan utama dalam mengekalkan Pelita Brunei. Kemampuan para pemberita dalam menghidangkan berita-berita sama ada dalam dan luar negara sangat dihayati. Penulisan berita atau rencana dibuat perlu memenuhi formula kewartawanan iaitu 5 Ws (*what, when, why, where* dan *who*) dan 1 H (*how*) bersesuaian dengan kehendak sebuah akhbar yang memberikan liputan yang lengkap, tepat dan padat. Malahan bahasa yang digunakan dalam berita adalah berbeza dengan bahasa genre lain. Bagi menambah kemahiran seorang pemberita, mereka banyak didedahkan dengan dunia liputan yang pantas dan cekap dalam mendapatkan berita-berita yang dimahukan. Antaranya membuat liputan ke luar negeri merupakan 'bonus' bagi mereka dengan dunia kewartawanan negara luar. Di sinilah mereka dapat belajar dengan memerhatikan bagaimana berita diperoleh, diolah untuk dijadikan berita yang berkualiti, sensasi dan menarik.

Tetapi di sinilah ciri Pelita Brunei yang berbeza dengan akhbar lain. Dalam hal ini, pemberita perlu tahu dan peka bagaimana untuk mengolah berita agar tidak bertentangan dengan etika kewartawanan di negara ini. Pelita Brunei sebagai sebuah akhbar rasmi kerajaan yang menghidangkan berita yang boleh dipercayai sangat bersesuaian untuk dijadikan bahan rujukan buat generasi akan datang dan ia merupakan satu khazanah. Jelasnya walau berpuluh-puluh tahun akan datang, kesahihan fakta dalam sesebuah berita yang ditonjolkan dalam Pelita Brunei adalah benar dan boleh dipercayai.



Kronologi Pelita Brunei

The timeline is set against a background collage of historical photographs related to Pelita Brunei. At the top left, a man in a purple shirt works at a computer terminal. In the center, a group of men in suits are seated around a large conference table. To the right, a printing press operator is visible. Below the main title, a horizontal timeline with circular markers connects various milestones. The bottom section features more photos: a woman in a pink hijab working at a desk, a man operating a large industrial machine, a group of people in traditional attire, and a woman using a laptop.

15 Februari 1956 - Penerbitan keluaran dalam bentuk siklostil (Cyclostyled) berukuran F4 (Fullscape) setebal 19 halaman depan yang mengandungi senarai kandungan. Akhbar ini diterbitkan sebanyak 300 naskhah dan diedarkan secara percuma.

1 Mac 1958 - Perubahan kedua masthead.

1 November 1957 - Mulai memuat empat keping gambar menggunakan kaedah block.

31 Disember 1962 - Perubahan masthead. Dicitak oleh The Light Press, Brunei.

4 Januari 1961 - Perubahan masthead dan penerbitan satu halaman Pelita Brunei dalam bahasa Cina, 'Pai li ta pao' atau 'Bai li da bao' secara berasingan. Dicitak di The Brunei Press Limited, Kuala Belait.

6 Januari 1965 - Perubahan masthead dan dicetak oleh Percetakan Bintang, di Bandar Brunei.

12 Januari 1966 - Perubahan masthead.

11 Januari 1967 - Perubahan masthead.

22 Februari 1967 - Perubahan masthead.

1 Januari 1969 - Perubahan masthead.

5 Januari 1972 - Perubahan masthead.

17 April 1963 - Dicitak oleh The Brunei Press, Kuala Belait.

1975 - Penerbitan 'Pai li ta pao' diberhentikan dan diganti halaman dalam bahasa Inggeris.

7 Januari 1976 - Perubahan masthead.

14 Januari 1976 - Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan.

21 Januari 1976 - Dicitak di Jabatan Percetakan Kerajaan menggunakan mesin 'Offset'.

4 Januari 1978 - Perubahan masthead.

24 September 1980 - Penerbitan dalam bahasa Inggeris diberhentikan.

6 Januari 1982 - Perubahan masthead.

5 Januari 1983 - Perubahan masthead.

1 Februari 1984 - Perubahan masthead.

4 Jun 1986 - Perubahan masthead.

1983 - Dicitak menggunakan mesin jenis 'Harris Web Offset' Na20B empat warna.

3 Januari 1990 - Dibahagikan kepada dua edisi iaitu edisi Induk dan edisi Aneka. Pencetakan edisi khas (kertas tebal).

6 Januari 1993 - Perubahan masthead.

15 September 2000 - Perubahan masthead.

11 Julai 2001 - Masthead baharu dan perubahan dalam beberapa ruangan.

18 Julai 2010 - Penerbitan ditingkatkan tiga kali seminggu, edisi Isnin, Rabu dan Sabtu.

7 Januari 2008 - Pelita Online diterbitkan.

15 Februari 2006 - Sambutan Jubli Emas Pelita Brunei.

2015 - Halaman ditingkatkan menjadi 32 muka surat.

2016 - e-Paper dan Kod QR Pelita Brunei diperkenalkan. Halaman dikurangkan menjadi 24 muka surat.

7 Januari 2017 - Edisi Hujung Minggu dikenalkan.

1 April 2020 - Berita Global.

1 Julai 2020 - Dicitak di Print Plus Sdn. Bhd.


4 Julai 2020 - Halaman ditingkatkan menjadi 32 muka surat.

4 Julai 2020 - Halaman ditingkatkan menjadi 32 muka surat.

Temu bual eksklusif bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail dan Norlia Md. Zain

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman dan Jabatan Penerangan



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang kini Menteri Hal Ehwal Ugama telah menjadi Ketua Pegawai Penerangan pada tahun 1979 dan kemudiannya dilantik menjadi Pengarah Penerangan pada tahun 1980 hingga tahun 1985.

Semasa Yang Berhormat berkhidmat di Jabatan Penerangan, Yang Berhormat telah memulakan Pelita Brunei dicetak dengan warna iaitu pada 6 Januari 1983.

Pelita Brunei telah berkesempatan menemu bual Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada penghujung Januari lalu.

Berkongsi pengalaman Yang Berhormat sebagai Pengarah Penerangan dan semasa bersama Pelita Brunei dahulu yang ketika itu seminggu sekali penerbitan (setiap Rabu), Yang Berhormat merupakan penulis tetap ruangan Pada Hemat Saya yang menyoroti ehwal semasa. Seperti mana juga penulis akhbar yang lain, Yang Berhormat juga tidak terkecuali terikat dengan *dateline* yang diberikan iaitu dikehendaki menghantar pada tengah hari, Ahad. Lazimnya Yang Berhormat menulis pada waktu malam.

Yang Berhormat menambah, Pelita Brunei merupakan sebuah akhbar rasmi kerajaan yang mempromosi apa juga dasar-dasar kerajaan demi kebaikan dan

kebaikan rakyat. Apa juga projek-projek besar kerajaan yang melibatkan peruntukan, hendaklah dinyatakan perbelanjaannya agar dapat mendidik rakyat untuk menghargai nilai sesuatu projek itu.

"Teknik pemberitaan juga sangat penting kerana ia boleh mendidik masyarakat. Pembaikan dari segi pemberitaan juga perlu kerana pada masa ini banyak pilihan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga ingin melihat akhbar ini dapat memberikan saingan agar menjadi pilihan utama dan bukannya menjadi akhbar alternatif kepada surat khabar yang ada.

Selain itu, ujar Yang Berhormat, ruangan Sidang Pengarang juga perlu dikekalkan dengan menentang saranan, pemikiran bahkan hasrat kenegaraan terutama berdasarkan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengajak orang ramai ke arah satu acuan pemikiran bagi pembangunan negara dan rakyat yang seimbang.

Manakala peranan orang ramai yang hadir pada acara-acara yang diadakan di kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan menunjukkan bahawa pihak

kerajaan itu disokong oleh orang ramai. Oleh itu, liputan majlis seyogialah turut memaparkan gambar atau video kehadiran mereka. Selain itu, meminta ulasan dan respons dari mereka yang hadir agar mereka dapat merasa keterlibatan dalam acara tersebut.

Sementara itu, Pelita Brunei itu walih menurut Yang Berhormat kerana penulis-penulisnya adalah terdiri dari kalangan orang *kitani*. Penulisan rencana yang baik adalah dengan mencari *angle* yang lain dan penulisan tidak perlu panjang kerana artikel berkenaan dimuatkan dalam akhbar dan bukan buku. Penyusunan ruangan-ruangan juga boleh menarik minat pembaca.

"Ruangan berkaitan sastera juga penting kerana ia juga mengasuh dan menentang penulis tempatan dan mengangkat bidang sastera seperti ruangan cerpen atau penulisan berkaitan dengan ulasan sajak," jelas Yang Berhormat yang juga dikenali dengan nama pena Badaruddin H.O.

Selain itu, Yang Berhormat turut menyarankan penulisan rencana ekonomi dengan mengundang penulis yang pakar dalam bidang tersebut. Ini juga satu

peluang untuk melatih orang ramai dalam bidang penulisan mengikut kepakaran masing-masing.

Mengimbas kembali semasa Yang Berhormat berkhidmat di Jabatan Penerangan, Yang Berhormat bersama seluruh warga di Jabatan Penerangan ketika itu sama-sama bekerja agar orang ramai berkeyakinan penuh terhadap Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mementingkan kebajikan rakyat untuk dijaga dan negara akan terus kekal aman damai.

Yang Berhormat berasa bersyukur kerana telah berkhidmat di Jabatan Penerangan dan juga bersama-sama dengan Pelita Brunei pada era menjelang kemerdekaan yang mana ketika itu perlu mempersiapkan rakyat untuk menerima kemerdekaan dalam acuan Brunei yang berpemerintahan beraja.

Menyentuh mengenai surat khabar versi digital yang mana Pelita Brunei juga sudah mempunyai e-Paper, sememangnya ia adalah trend terkini dan ia perlu sentiasa diperbaiki dengan belajar teknik dari e-Paper akhbar lain.

"Cari teknik agar dapat menarik minat pembaca. *Kitani* mesti pandai teknik agar kita dipilih," jelas Yang Berhormat.

Untuk generasi baharu di Pelita Brunei, Yang Berhormat turut menitipkan pesan agar terus menjaga kesinambungan Pelita Brunei terutama dalam membuat acuan pemikiran menerusi surat khabar. Teknik juga mesti berkembang agar menjadi surat khabar yang *reliable*.



Temu bual eksklusif bersama mantan Pengarah Penerangan (2009-2012)



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail dan Norliah Md. Zain
 Foto : Jabatan Penerangan

DR. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong merupakan mantan Pengarah Penerangan bermula Mac 2009 hingga 2012.

Sepanjang beliau berkhidmat di Jabatan Penerangan, Pelita Brunei telah mula diterbitkan tiga kali seminggu iaitu bermula pada terbitan 19 Julai 2010 dan masih lagi kekal sehingga kini. Selain itu, penerbitan ruangan Seruan Suci dalam versi Jawi di Pelita Brunei juga dimulakan semasa era beliau.

Beliau ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei menerangkan bahawa oleh kerana Melayu Islam Beraja (MIB) menjadi dasar negara, ini melibatkan reka letak, *design*, muka surat, kedudukan gambar-gambar berdasarkan protokol dan juga kedudukan berita iaitu siapa yang di depan dan siapa yang di belakang, penggunaan bahasa dalam atau terasul atau bahasa Brunei, semua ini merupakan satu gambaran identiti budaya *kitani* orang Brunei yang mengukuhkan lagi sebagaimana mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa apa juga sistem atau dasar negara dalam semua bidang termasuk dalam percetakan atau penerbitan dan penyajian berita hendaklah berdasarkan nilai MIB.

Beliau berkata perkara ini perlu diambil berat kerana Pelita Brunei sebagai bahan rujukan dan *indung* kepada media atau surat khabar tempatan lain yang mana menjadi rujukan dan paling penting sebagai sukat-sukat mana yang boleh dan mana yang tidak dalam bidang penerbitan cetak di negara ini.

Dari segi status Pelita Brunei yang bagi beliau merupakan *indung* atau contoh teladan yang menjadi rujukan atau panduan surat khabar-surat khabar lain di Negara Brunei Darussalam kerana Pelita Brunei merupakan lidah rasmi kerajaan yang menyebarkan maklumat yang tepat, cepat, betul dan bukan surat khabar yang sensasi. Dibanding dengan surat khabar lain yang mana Pelita Brunei mementingkan nilai-nilai ketepatan dalam penyebaran bahkan juga dilihat dari segi budaya, teknik budaya Brunei, protokol dan sebagainya. Kita melihat Pelita Brunei sebagai satu simbol, identiti, salah satu lidah kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyebarkan apa-apa isu, pandangan, polisi dan sistem kerajaan kepada orang

ramai dengan betul dan tepat dan ia adalah menjadi panduan dan rujukan untuk pelaksanaan dasar kerajaan yang menjadi panduan dan rujukan bukan sahaja kepada pihak kerajaan ataupun jabatan-jabatan kerajaan / kementerian tetapi juga kepada orang ramai.

Dr. Haji Muhammad Hadi juga menegaskan bahawa apa juga peraturan yang perlu dikekalkan adalah peraturan yang tidak bercanggah malah mendukung MIB.

"Selain itu, perlu difikirkan mengenai keperluan untuk menggunakan tulisan Jawi dan ia sangat penting dikekalkan khususnya dalam penerbitan Pelita Brunei dalam memuatkan berita-berita kerana ini dapat menegakkan Perlembagaan 1959," ujar beliau.

Tulisan Jawi yang memuatkan Khutbah Jumaat adalah penting. Perlu juga diambil perhatian tidak mengeluarkan ayat-ayat Al-Quran kerana tidak sesuai diterbitkan dan digunakan kerana ada orang yang tidak tahu ada ayat-ayat Al-Quran dalam surat khabar tersebut.

"Kuantiti dan kualiti Pelita Brunei perlu dikekalkan. Jangan sampai ada perkembangan media baharu, Pelita Brunei tidak lagi diterbitkan dalam media cetak. Walaupun dalam era globalisasi tetapi generasi-generasi baharu lebih senang merujuk Pelita Brunei," tegasnya.

Beliau juga tidak setuju jika penerbitan Pelita Brunei ditiadakan. Walaupun jumlah terbitan Pelita Brunei tidak ditingkatkan tetapi perlu dikekalkan dan dimantapkan pada masa-masa akan datang.

Bila diajukan soalan mengenai Pelita Brunei bercetak dan versi Pelita Brunei *online*, Dr. Haji Muhammad Hadi menjelaskan bahawa perkara ini tidak ada masalah kerana ini merupakan satu kemajuan teknologi selaras dengan perkembangan peredaran semasa dan kita perlu mengikuti perkembangannya dalam menyebarkan maklumat. Untuk mencapai matlamat kita dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat dan penduduk di negara ini bukan sahaja untuk masyarakat tempatan bahkan juga masyarakat antarabangsa dengan lebih efisien dan mudah.

Ini merupakan satu usaha yang baik bukan sahaja melibatkan tenaga, masa dan sebagainya bahkan juga menambahkan pendedaran dalam bentuk penyebaran

yang lebih meluas, menyebabkan lebih banyak orang khususnya generasi baharu yang lebih suka menggunakan media baharu mendapat manfaat daripada perkembangan ciptaan melalui digital dalam penyebaran maklumat.

"Bahkan ini merupakan satu perkembangan baharu dalam penyebaran Pelita Brunei kepada orang ramai. Meskipun ada versi *online* tetapi tidak boleh menyapakan Pelita Brunei dalam bentuk asalnya iaitu bentuk cetakan berdasarkan surat khabar," ujarnya.

Dr. Haji Muhammad Hadi juga menjelaskan pengalaman beliau ketika bertugas di Jabatan Penerangan dan memantau Pelita Brunei merupakan satu cabaran bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga melibatkan pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan tetapi alhamdulillah masalah yang dihadapi berjaya diselesaikan dari segi penyediaan bahan berita dan juga penyusunan semula jumlah pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat bagi setiap pengeluaran.

Ini merupakan satu kemajuan dalam memperbaiki penyajian berita kepada rakyat supaya berita yang disampaikan tidak basi dengan adanya terbitan dari dua kali seminggu kepada tiga kali dalam masa seminggu. Tambah beliau lagi, berita memang sentiasa ada menyebabkan ada berita-berita lain terpaksa diterbitkan kemudian.

"Ini penting kerana ia melibatkan dari segi tenaga, melibatkan penambahan kos percetakan. Dari segi masa pula perlu tambahan masa khususnya bahagian Pelita Brunei perlu ditambah untuk menjalankan penyusunan dari segi reka letak dan penyemakan setiap berita yang akan dihantar untuk dicetak," jelasnya.

Dr. Haji Muhammad Hadi juga mengucapkan terima kasih dan berasa beruntung atas kerjasama yang erat dari Pelita Brunei dan juga bahagian penggambaran, atas usaha yang sungguh-sungguh kerana menyediakan *dummy* dan berita sehingga percetakan dapat disediakan dalam masa yang ditetapkan.

Menurut Dr. Haji Muhammad Hadi lagi, kenangan ketika bertugas di Pelita Brunei (2009-2012) banyak pengalaman yang baharu yang tidak pernah dilalui sama ada di Pusat Sejarah dan Pendidikan kerana bidangnya berlainan iaitu bidang media di

samping ia melibatkan pertemuan dengan masyarakat (*face-to-face*) dalam hal ehwal penyebaran maklumat.

"Saya sangat beruntung dengan pengalaman ini dan saya anggap sebagai cabaran dan sebagai menambah ilmu dalam bidang media sama ada positif dan juga negatif," katanya.

"Perkara yang tidak lupakan dalam isu pencetakan ialah saya tidak pernah balik awal dalam tiga kali seminggu itu. Selepas balik 4.30 pagi, saya akan balik semula ke pejabat sekitar jam 7.00 pagi untuk bertugas dan melihat, meneliti kandungan Pelita Brunei, reka letak, susunan berita, bahasa yang digunakan. Paling awal mencetak adalah pada jam 12.00 tengah malam, paling akhir jam 5.00 pagi. Walau bagaimanapun, kami tetap dapat melaksanakan tugas sehingga Pelita Brunei sampai ke tangan pihak-pihak berkenaan sebelum jam 7.00 pagi," katanya.

"Jika kita betul-betul komited, jangan menyebar maklumat yang salah, kita mesti bekerja bertungkus lumus tidak kira masa kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua dan juga kerana negara dan masyarakat dalam menyampaikan maklumat," jelas beliau lagi.

Beliau berharap dan berdoa semoga penerbitan Pelita Brunei bukan sahaja dalam bentuk cetak bahkan juga *online* akan berterusan pada masa akan datang memainkan peranan dan tugasnya sebagai penyebar maklumat rasmi kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Apa yang penting maklumat itu merupakan satu ilmu dan ibadah yang disampaikan kepada rakyat di negara ini sebagai amalan suci, berkeabajkan yang ditinggalkan kerana ia kekal sama ada dalam bentuk kertas atau teknologi iaitu dalam bentuk digital. Apa yang *kitani* lakukan adalah semata-mata kepada Allah Subhanahu Wata'ala sahaja dalam menjalankan tanggungjawab *kitani* sebagai penjawat awam dan hamba Allah.

Amalan dan ibadat yang *kitani* lakukan bukan semata-mata kerana gaji tetapi kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata. *Kitani* sebagai penjawat awam harus komited dalam meneruskan usaha bukan sahaja mendukung bahasa Melayu dalam Pelita Brunei, tetapi juga mengekalkan identiti MIB dan budaya MIB.



TERIMA KASIH ATAS SOKONGAN BERTERUSAN BISKITA

DARIPADA SELURUH WARGA JABATAN PENERANGAN
KHUSUSNYA BAHAGIAN PELITA BRUNEI



MAKLUMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 **PSC.BN**



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
TAWARAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH ARAB
DAN ASRAMA
[BAHAGIAN BAHAN BASAH]

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / BB / MIB, TUT / 09
NAMA SEKOLAH :



Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong

TARIKH TUTUP :
Rabu, 5 Rejab 1442H /
17 Februari 2021M
tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOFE / Q / 2020-9

TAJUK SEBUT HARGA :
KONTRAK PEMBEKALAN DAN
PEMASANGAN BULB DAN TUBE
LAMPU SERTA AKSESORI
BERKAITAN BAGI TEMPOH DUA
BELAS (12) BULAN, BANGUNAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI,
COMMONWEALTH DRIVE

TARIKH TUTUP :
Sabtu, 20 Februari 2021
tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRM 04 / 2021

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
SERTA MERTA BAGI TAMBAK
JALAN SUSUR DI LEBUHRAYA
TELISAI - LUMUT

TARIKH TUTUP :
Selasa, 2 Mac 2021
tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

JUALAN SECARA
SEBUT HARGA BAGI 1 LOT
BESI BURUK HARTA
BENDA KERAJAAN
KEPUNYAAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN

TAWARAN PEMBELIAN &
PENGANGKUTAN
BARANG YANG DIHAPUSKAN
DARI KIRA-KIRA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
RUJUKAN : MINDEF / DFA /
MWOC / L / 1 (01 / 2021)



TARIKH TUTUP :
Rabu, 17 Februari 2021
tidak lewat jam 10.00 Pagi.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TAWARAN RANCANGAN
PERMAKINAN
SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA
[BAHAGIAN PENYAJIAN
MAKANAN DAN MINUMAN
SECARABERHIDANG
DAN
BERTAPAU]

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT / 08



NAMA SEKOLAH :
Sekolah Arab Belait, Daerah Belait

TARIKH TUTUP :
Isnin, 10 Rejab 1442H /
22 Februari 2021M
sebelum jam 2.00 Petang.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2021

TAJUK SEBUT HARGA :
"MENYEDIAKAN KEMUDAHAN
BEKALAN AIR TAWAR BAGI
TAPAK AKUAKULTUR KG.
RAMPAYOH, MUKIM LABI,
DAERAH BELAIT 9.4886 HA"



TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
Isnin, 1 Mac 2021, 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRM 03 / 2021

NAMA PROJEK :
PENGURUSAN PEMELIHARAAN
BERINTEGRASI BAGI
RANGKAIAN JALAN RAYA
ZON 1,
DAERAH BRUNEI MUARA

TARIKH TUTUP :
Selasa, 9 Mac 2021



tidak lewat dari jam 2:00 Petang.



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

1. T / 001 / RBPF - HQ / 2021 - M
TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALL,
TRAIN AND COMISSION FOUR (4)
UNITS OF 300HP FOUR STROKE
STANDARD AND COUNTER
ROTATION OUTBOARD ENGINE,
COMPLETE WITH EQUIPMENT'S
AND FITTINGS TO IBU PEJABAT
POLIS MARIN

2. T / 002 / RBPF - HQ / 2021 - M
TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALL,
TRAIN AND COMISSION TWELVE
(12) UNITS OF 150HP FOUR
STROKE STANDARD ROTATION
OUTBOARD ENGINE, COMPLETE
WITH EQUIPMENT'S AND
FITTINGS TO IBU PEJABAT
POLIS MARIN



TARIKH TUTUP :
Selasa, 9 Mac 2021
tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM001 / 2021

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA
PENGUBAHSUAIAN DAN
PEMBAIKAN BAGI MASJID
KAMPUNG PELAMBAYAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. PROJEK :
2021DBSBM / JUB.01

TARIKH TUTUP :
Selasa, 2 Mac 2021
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN TERBUKA BAGI
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
TERUS BUKU

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 65 / 2020 / 2021
[JPK-FEB-2021]

KETERANGAN :
TAWARAN TERBUKA BAGI
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
BUKU 'JOINT PUBLISHING
PROJECT FOR HISTORY OF
MALAYA 1874 - 1963 & SECOND
WORLD WAR IN ASIA 1929 - 1953
TEXTBOOK FOR YEAR 10 & 11' KE
MAKTAB-MAKTAB,
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DAN JABATAN PERKEMBANGAN
KURIKULUM, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM



TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
16 Februari 2021
tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 001 / 2021

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA
PENYELENGGARAAN BERSEPADU
BAGI MUKIM SERIA DALAM
TEMPOH DUA (2) TAHUN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 002 / 2021

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA
PENYELENGGARAAN BERSEPADU
BAGI MUKIM BELAIT DALAM
TEMPOH DUA (2) TAHUN

TARIKH TUTUP :



Selasa, 2 Mac 2021
tidak lewat jam 2.00 Petang.



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN

SEBUT HARGA MENGAMBIL,
MENCUCI, MENGOSOK SERTA
MENGHANTAR JUBAH BAGI
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN

TARIKH TUTUP :
Khamis, 25 Februari 2021



jam 2.00 Petang.



**MAHKAMAH MAJISTRET
DAERAH TEMBURONG**

**MAHKAMAH MAJISTRET
DAERAH TEMBURONG
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TEMBURONG**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. TEMB / LA / 09 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SAHNORMERIYATI BINTI SIDUP** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SIDUP BIN BURUT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa

permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH MAJISTRET DAERAH TEMBURONG** pada **20 FEBRUARI 2021, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 10 Februari 2020.

**(HAJAH FAUZI HANA
BINTI HAJI MOHAMAD)**

Pendaftar Mahkamah Rendah
b.p Pegawai Waris
Mahkamah Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam.



TARIKH TUTUP PADA :
Selasa, 9 Mac 2021
sebelum jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**1. TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / FY2020 / NV /
TA / 05
PEMBELIAN MARINE FIRE
HOSE NOZZLE WITH PUSH /
PULL SHUT OFF HANDLES AND
PISTOL GRIP WITH READILY
ATTACHED C - 52MM BRASS
STORZ COUPLING**

TARIKH TUTUP :



Selasa, 2 Mac 2021
tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

**BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 285 / 2020**

**TAJUK :
CUTTING TREES WORK TO
TANAH PERKUBURAN ISLAM
TAMING PEHIN & PANDAYAN,
KHATIB KUDRAT,
KG LIMBONGAN,
MUKIM KIANGGEH,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



TARIKH TUTUP :
Rabu, 17 Februari 2021
jam 2.00 Petang.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JASTRE / BKP / T002 / 2021
PERKHIDMATAN KUTIPAN DAN
PEMBUANGAN SAMPAH
DARIPADA PUSAT-PUSAT
PENGUMPULAN SAMPAH DI
DAERAH TEMBURONG BAGI
TEMPOH DUA (02) TAHUN**

**NO. PROJEK :
JASTRE / BKP / T002 / 2021**



TARIKH TUTUP PADA :
Selasa, 9 Mac 2021
sebelum jam 2.00 Petang.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

JASTRE / BKP / T001 / 2021

**KERJA OPERASI DAN
PENYELENGGARAAN SEPULUH
(10) UNIT PERALATAN
PEMANTAUAN KUALITI UDARA
UNIT MODEL TEOM : 1400 / 1400A
/ 1400ab UNTUK TEMPOH TIGA
(3) TAHUN**



TARIKH TUTUP PADA :
Selasa, 2 Mac 2021
sebelum jam 2:00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRC 02 / 2021**

**NAMA PROJEK :
PEMBINAAN JEJAMBAT DI
PERSIMPANGAN LEBUHRAYA
MUARA-TUTONG / PENEMPATAN
TAPAK INDUSTRI TG. KAJAR**

**TARIKH TUTUP :
Selasa, 6 April 2021**



tidak lewat jam
2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRM 01 / 2021**

**NAMA PROJEK :
PROGRAM MENINGKATAN
DAN
PEMBAIKAN INFRASTRUKTUR
JAMBATAN - PAKEJ 3,
KERJA-KERJA ANALISA
JAMBATAN YANG SEDIA
ADA, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**



TARIKH TUTUP :
Selasa, 6 April 2021
tidak lewat dari jam 2:00 Petang.



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran :
MOFE / Q / 2020-8**

**Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN PROJEKTOR
UNTUK KEGUNAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

TARIKH TUTUP :



Sabtu, 20 Februari 2021
tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



- 1** Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2** Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat

- 3** Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4** Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5** Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udag Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123



جوالن سالیئنن گنمبر ۲ دیکیتل
JUALAN SALINAN
GAMBAR-GAMBAR DIGITAL

**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
 satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT
JABATAN PENERANGAN**

**JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

**GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, TINGKAT 1,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN**

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis

8.00 Pagi – 12.00 T/hari

2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi

**InfoDeptBN**

**Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam**



infodept.bn



infodept_bn

Kitsu Models Hobby Shop pilihan peminat miniatur



PENGASAS Kitsu Models Hobby Shop, Yapp Gien Eing semasa ditemu bual.

KIULAP, Sabtu, 13 Februari. - Yapp Gien Eing merupakan mantan pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan salah seorang usahawan muda, yang mula berkecimpung dalam dunia kreativiti, setelah berjaya membuka kedai miniaturnya sendiri, bernama Kitsu Models Hobby Shop.

Kitsu Models Hobby Shop, kini lebih dikenali dalam kalangan belia-belia tempatan yang mempunyai hobi miniatur merupakan syarikat pertama seumpamanya, di Negara Brunei Darussalam.

Yapp Gien Eing semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, beliau mula mengasaskan syarikat berkenaan dengan menjual miniatur secara

dalam talian (*online*) selama setahun, bermula tahun 2019 dan kemudian membuka kedai fizikal Kitsu Models Hobby Shop, pada hujung tahun 2020 lalu setelah berjaya mendapatkan pelaburan bagi syarikat berkenaan.

Beliau, kemudiannya menerangkan, Kitsu Models Hobby Shop kini menjual miniatur dan beberapa cat khas untuk mewarnakan miniatur berkenaan.

"Bagi mewarna miniatur berkenaan, pada mulanya miniatur berkenaan hendaklah disapukan dengan *primer* terlebih dahulu agar cat yang kemudiannya digunakan pada miniatur-miniatur berkenaan tidak tertanggal.

"Perkhidmatan untuk menyapukan *primer* berkenaan juga kami sediakan kerana ia memerlukan alat *primer* yang khas agar lebih teliti, sementara bagi pilihan warna, kami mempunyai sebanyak lebih daripada 300 pilihan warna bagi pelanggan kami," jelasnya.

Kitsu Models Hobby Shop kini juga mengadakan Kelas Melukis Miniatur secara percuma, di kedai berkenaan, terletak di Kompleks Seri Kenangan II, Kampung Kiulap, pada setiap Sabtu dan Ahad, ujananya.

Pada masa yang akan datang pula, beliau berhasrat untuk mengadakan pertandingan miniatur, yang jelasnya, berkemungkinan diadakan dengan kolaborasi bersama beberapa syarikat berkaitan dengan miniatur, seperti Hotwheels dan sebagainya.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Semasa ditanyakan mengenai nasihat beliau kepada orang ramai yang ingin berkecimpung dalam dunia keusahawanan, khususnya dalam bidang kreativiti, beliau seterusnya menasihatkan mereka untuk membuat penyelidikan terlebih dahulu untuk memastikan perniagaan berkenaan

adalah *feasible* (boleh dilaksanakan).

Untuk maklumat lanjut, orang ramai yang berminat, bolehlah mengikuti Facebook Page dan akaun Instagram Kitsu Models Hobby Shop di @kitsumodels atau melayari laman sesawang www.kitsumodels.com.



ANTARA miniatur yang dijual di Kitsu Models Hobby Shop (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang ikut serta pada Kelas Melukis Miniatur secara percuma di kedai berkenaan.

Hentikan tabiat merokok melalui D.E.A.D

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - Ketagihan merokok adalah antara satu tabiat yang paling sukar dan mencabar untuk diatasi dalam kalangan sebilangan perokok.

Golongan yang mempunyai ketagihan ini, terutama perokok tegar pasti tahu bagaimana rasa pada saat mereka mencuba

untuk berhenti daripada merokok.

Menurut statistik, di Negara Brunei Darussalam, 11 peratus perokok adalah golongan remaja dan 20 peratus adalah golongan dewasa.

Lima punca utama kematian pada tahun 2017 ialah Kanser; Penyakit Jantung; Kencing Manis;

Strok; dan Tekanan Darah Tinggi, di mana kesemua penyakit tersebut adalah berhubung kait dengan merokok.

Terdapat lebih 7,000 jenis bahan kimia berbahaya, 400 bahan beracun, 60 bahan penyebab Kanser dan satu dadah nikotin yang menyebabkan ketagihan di dalam setiap satu batang rokok.

Terdapat juga beberapa produk samaran tembakau, seperti Cerut; Rokok Paip; Shisha; Sigup Gulung; Tembakau Kunyah; dan Rokok Elektronik atau Vape.

Merokok memberi keburukan kepada semua orang dan ia langsung tidak memberi kebaikan kerana merokok memberi kesan buruk kepada orang di sekeliling awda, terutama ahli keluarga.

Ibu yang mengandung boleh melahirkan anak tidak cukup bulan, kurang berat badan atau meninggal selepas lahir dan kanak-kanak yang terdedah kepada asap rokok sering sakit dengan mengalami batuk-batuk, selesema juga jangkitan telinga, hidung dan tekak, mengalami perkembangan paru-paru yang lemah dan mendapat asma.

Tetapi sebagai manusia yang ingin menuju ke arah kebaikan,



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19

Jangan menziarahi pesakit atau saudara mara di hospital jika ABISKITA SAKIT

Abiskita boleh memudaratkan lagi keadaan pesakit di hospital yang lebih berisiko tinggi mendapat komplikasi akibat jangkitan COVID-19



GAMBAR Hiasan ... Merokok memberi keburukan kepada semua orang dan ia langsung tidak memberi kebaikan kerana memberi kesan buruk kepada orang di sekeliling awda, terutama ahli keluarga.

banyak kaedah atau cara untuk berhenti merokok.

Beberapa tip untuk berhenti merokok, iaitu dengan singkatan D.E.A.D.

Delay atau Tangguhkan : Tangguhkan sehingga rasa ingin merokok berlalu (selalunya selepas lima minit) dengan tarik nafas dalam-dalam, tahan selama lima saat dan lepaskan perlahan-lahan.

Escape atau Larikan Diri : Lakukan aktiviti awda di tempat-tempat yang dilarang merokok.

Avoid atau Hindari : Hindarkan daripada berlepak bersama perokok / sumber rokok awda.

Distract atau Alihkan Perhatian :

Sibukkan diri awda dengan melakukan aktiviti yang boleh melupakan awda tentang keinginan untuk merokok. Rajin membersihkan diri dengan mandi atau mencuci tangan dan gantikan dengan memakan snek yang sihat, seperti kacang, gula-gula getah tanpa gula dan lain-lain.

Di negara kita, terdapat perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok bagi mereka yang berkeinginan untuk berhenti merokok dengan mengikuti Program Kaunseling Berhenti Merokok selama enam bulan dan jika diperlukan, farmakoterapi (ubat) juga disediakan secara percuma.



INDUSTRI
KOTEJ

Gubahan kreatif : Perlu ada minat, berani mencuba

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ihsan Syamimie Aqeela Mawaddah Abdullah Liaw

MINAT untuk berniaga dan semangat ingin berubah serta berani untuk mencuba merupakan perkara pokok dalam memastikan sesuatu cita-cita itu akan dapat dicapai, seperti peribahasa cina ada menyatakan bahawa 'perjalanan yang jauh itu bermula dengan langkah pertama'.

Di samping itu, ilmu dan kemahiran juga merupakan aspek yang perlu dikuasai oleh seseorang yang ingin berjaya.

Kotej Industri kali ini menemui Dayang Syamimie Aqeela Mawaddah binti Abdullah Liaw yang dikenali melalui laman media sosial beliau, iaitu di Facebook - @Mimie_Alavista dan Instagram @Mimie_Alavista mula menceburi bidang gubahan kreatif dengan menghasilkan gubahan pertamanya pada sekitar tahun 2017, iaitu hiasan gantungan pintu.

Berasal dari Kampung Jangsak, Dayang Syamimie Aqeela Mawaddah, 35, mengadaptasikan rekaan ciptaan gubahannya mengikut cita rasa tersendiri.

Sejak mula mendedahkan jualan gubahannya dan mempromosikannya ke laman media sosial, beliau terus menambah koleksinya dengan pelbagai jenis ciptaan gubahan, antaranya *keychain* yang mengandungi pelbagai nama, tabungan, bunga telur, kotak tisu, sejambak bunga, pasu bunga dan bermacam-macam lagi hasil

buatan tangan lainnya.

Selain itu, beliau juga kerap mencuba rekaan terbaharu dan memvariasikan kreativiti dalam setiap rekaannya dan atas dorongan dan sokongan serta semangat yang kuat daripada suami dan kaum keluarga, beliau juga berhasrat untuk mempunyai kedai sendiri.

Di samping itu, beliau juga pernah menyertai beberapa jualan ekspo atau bazar seperti pada bulan November tahun lalu sempena Maulid Festival di Airport Mall di bawah Pusat Da'wah Islamiah dan juga pada bulan Disember 2020 Ekspo Satu Kampung Satu Produk di kawasan letak kereta depan Muzium Alat Kebesaran Diraja, bagi menentengahkan lagi hasil kreativiti yang mementingkan mutu dan kualiti demi menepati cita rasa para pelanggannya dan bersesuaian untuk dijadikan hadiah, cenderamata kenangan dan sebagainya.

Dengan berbekalkan beberapa peralatan gubahan yang mesti ada seperti peralatan jahitan berupa benang, jarum, gunting, kain *flannel*, kapas serta alat-alat tulis, beliau mulanya cuba belajar teknik menggubah tersebut dari internet.

Pada awalnya sekadar untuk cuba-cuba dan mengisi masa lapang, namun lama-kelamaan beliau cenderung untuk terus menggubah barangan yang berbentuk

DIY menjadi minat dan berhasil untuk menjana pendapatan sampingan.

Dengan sudah lebih dari dua tahun memulakan perniagaannya, beliau turut mengongsikan antara cabaran yang pernah dihadapi beliau ialah apabila pernah menerima tempahan yang terlalu banyak namun tidak mempunyai kecukupan tenaga kerja untuk menyelesaikan tempahan tersebut memandangkan hanya beliau dan suami sahaja yang melakukan hasil gubahan itu sehingga akhirnya terpaksa ditolak permintaan berkenaan.

Walaupun merasa dukacita, namun beliau tetap gigih berusaha untuk cuba sedaya upaya menerima tempahan dan memenuhi keperluan tempahan itu, sekalipun kadang-kadang terpaksa mengambil sedikit masa untuk menyiapkan sesuatu tempahan itu mengikut berapa banyak tempahan yang diterima dari seorang pelanggannya.

Namun menurutnya lagi bagi menghindari dari berlakunya sebarang masalah, beliau biasanya akan meminta wang pendahuluan terlebih dahulu daripada para pelanggannya (sebagai jaminan tempahan) untuk menghindari daripada sebarang perkara yang berbangkit.

Menyatakan sambutan para pelanggan setakat ini, beliau bersyukur atas kreativiti yang diminati oleh orang ramai yang sering mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan sangat berpuas hati dengan hasil sentuhan seni beliau seperti rantai kunci, hiasan gantungan pintu nama dan bunga telur unik yang merupakan

antara hasil rekaan yang sering mendapat sambutan daripada para pelanggan beliau.

Antara ciptaan dan rekaan lain yang sering beliau hasilkan termasuklah hiasan gantungan pintu; hiasan gantungan kereta; tabungan kanak-kanak; kotak tisu; rantai kunci nama; rantai kunci kartun; magnet bingkai; bunga telur unik; patung *graduation*; klip rambut kanak-kanak; lapis buku IQRA; bunga pasu (kecil); reben rambut kanak-kanak; kotak tisu pengantin; sampul raya; bingkai gantungan pintu serta beberapa rekaan jambangan berupa bunga, kartun dan cokelat.

Dayang Syamimie Aqeela Mawaddah turut melahirkan harapan pada masa akan datang untuk akan terus menghasilkan pelbagai rekaan gubahan yang baharu dari semasa ke semasa dan turut berharap agar kepakaran beliau ini dapat diterima baik oleh masyarakat dan jika diizinkan pada masa akan datang dapat mempromosikan hasil kreativiti beliau ke luar negara.

Dalam pada itu, beliau juga turut menyampaikan kata-kata motivasi dan saranan terutama untuk para belia kita yang masih belum memperoleh pekerjaan atau masih mencari pekerjaan untuk jangan takut untuk mencuba sesuatu yang baharu yang boleh mendatangkan manfaat daripada bakat kreativiti diri kerana jika berhasil ia akan menjadi kejayaanmu namun jika gagal jadikanlah ia suatu pelajaran kerana lebih baik berusaha mencuba daripada tidak sama sekali.

Kibarkan bendera kebangsaan dengan megah

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan

DALAM seminggu sahaja lagi, negara akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37 iaitu pada 23 Februari 2021. Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, seharusnya kita mempamerkan rasa syukur dan bangga melalui penaikan bendera dan pengibaran Bendera Negara kita di setiap rumah, bangunan kerajaan mahupun swasta ke arah memupuk kesedaran semangat patriotisme.

Bendera Negara adalah citra sejarah dan jati diri bangsa bagi sesebuah negara dan ia seharusnya dihormati dan dikibarkan dengan megah kerana bendera kebangsaan kita adalah identiti dan maruah negara. Bendera Negara Brunei Darussalam yang kita kibarkan dengan megah bukan hanya sekadar satu kain sahaja malah ia adalah sebagai lambang kedaulatan bangsa dengan rakyat yang berpegang teguh dan negara yang punya wawasan murni *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*.

Tujuan bendera kebangsaan dikibarkan adalah bagi menzahirkan rasa cinta dan syukur menjadi warga bagi memupuk semangat cintakan negara, selain melambangkan kemegahan agar semangat terus meresap ke dalam jiwa kerana ia mempunyai aura tersendiri di samping

melambangkan kedaulatan negara kita.

Jika kita memahami dan menghayati apa yang tersirat di dalam panji-panji rasmi yang terdapat di Bendera Negara setentunya kita akan melihat betapa besarnya nilai bendera itu sendiri. Umpamanya tangan atau kimhap melambangkan jaminan kerajaan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kebajikan demi keamanan dan kemakmuran, bulan merupakan simbol agama Islam sebagai ugama rasmi Negara Brunei Darussalam dan terdapat juga cogan kata yang bermaksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'.

Jika kita kaji secara terperinci kata-kata yang terkandung di dalam panji-panji tersebut akan mendapati ia mempunyai maksud dan pengertian yang jauh dan mendalam, yang antaranya mendorong supaya sentiasa berkhidmat, berbakti, berjasa kepada agama dan negara dengan bimbingan serta petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala malah ia amat relevan dijadikan sebagai konsep hidup dalam berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Menghormati kesucian bendera dan memahami etika-etika membawa, meletak, menaikkan dan menurunkannya juga adalah amat mustahak untuk difahami dan dipelajari. Mengetahui latar belakang

bendera negara, sejarah dan memahami makna warna, bentuk, panji-panji dan tulisan yang terdapat dalam Bendera Negara juga merupakan cara yang amat baik untuk mengenali Bendera Negara secara lebih mendalam lagi.

Kerana itu kita selaku rakyat dan penduduk yang bermastautin di bumi Brunei ini sewajarnya pengibaran Bendera Negara perlu diisi dengan penuh rasa bangga dan semangat patriotik tanpa mengira kedudukan sama ada berada di kawasan bandar, mukim dan kampung sebagai tanda taat setia kepada raja dan negara.

Pada sejarah perjuangan Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam seorang pemegang bendera merupakan pejuang sejati yang sanggup berkorban sekalipun bergadai nyawa demi mempertahankan maruah bendera. Kerana itu kita jangan sesekali sambil lewa memandang kepada Bendera Negara kerana bendera adalah sebuah negara yang perlu dijaga, diselamatkan, dipertahankan serta jangan dibiarkan atau diabaikan begitu sahaja.

Dengan mengibarkan Bendera Negara di setiap rumah kediaman, bangunan-bangunan kerajaan, swasta dan sebagainya kita secara langsung telah

memupuk dan menyegarkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat dan penduduk selain ia sebagai tanda perpaduan semua bangsa yang tinggal di bumi Brunei Darussalam yang hidup dalam rukun damai serta penuh keharmonian.

Rakyat dan penduduk menghormati bendera kebangsaan kita dan mengibarnya dengan sempurna di mana sebelum menaikannya, pastikan bendera dalam keadaan baik, kemas, tidak lusuh, kotor atau koyak rabak.

Justeru, jangan abaikan Bendera Negara begitu sahaja, peliharalah dengan sebaik-baiknya dan jangan menaikkan bendera yang koyak dan warnanya pudar. Ke arah itu, semua pelbagai lapisan rakyat dan penduduk terutama pemimpin akar umbi akan dapat sama-sama memastikan pelaksanaan tanggungjawab setiap rakyat dan penduduk bagi pengibaran dan penurunan bendera Negara Brunei Darussalam pada tarikh yang telah ditetapkan.

Bawalah anak-anak dan seisi keluarga menaikkan bendera bersama, didiklah mereka bahawa kita adalah hamba Allah, milik masyarakat dan milik negara di bawah bendera suci mulia.



126,000 orang dijangka mampu disuntik vaksin sehari mulai akhir bulan ini



KULAI, 13 Feb. - Sebanyak 126,000 orang dijangka mampu diberikan suntikan vaksin COVID-19 dalam sehari di lokasi vaksinasi di seluruh negara bermula akhir bulan ini, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Katanya, tujuh vaksinator akan disediakan di setiap 600 lokasi vaksinasi di sekitar komuniti merangkumi klinik kesihatan, hospital awam dan swasta.

"Kita telah dimaklumkan bahawa Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan dimulakan 26 Feb ini, yang mana di peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) kita menyediakan 600 tempat pemberi vaksin di seluruh negara.

"Tujuh vaksinator mampu menyuntik vaksin COVID-19 kepada seramai 30 penerima setiap

hari, bermakna bagi setiap lokaliti atau kawasan, melibatkan 210 penerima vaksin mampu disuntik sehari," katanya.

Beliau ditemui pemberita pada Operasi Bersepadu Jabatan Kesihatan Negeri Johor bersama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor bagi melakukan pemeriksaan di asrama pekerja asing di Jalan Seelong, Senai, di sini hari ini.

Dr Adham berkata fasa pertama penerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech, mulai hujung bulan ini hingga April, melibatkan golongan petugas barisan hadapan meliputi anggota KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam serta sektor-sektor tertentu.

Fasa kedua pada Mac pula melibatkan golongan yang

berisiko termasuk mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan kumpulan dilindungi seperti menghidap penyakit darah tinggi, kencing manis dan sebagainya.

"Mereka kena isi dokumen sama ada dimuat turun menerusi aplikasi MySejahtera atau kita dapatkan pasukan petugas untuk hantar secara manual seminggu sebelum divaksin, jadi mereka tidak perlu tunggu lama di kaunter tempat vaksinasi.

"Cuma kita ada saringan sama ada mereka bersetuju atau tidak dan kita akan pastikan bahawa dalam masa mereka dapatkan vaksinasi itu, mereka akan diberi jadual dan bukannya datang serentak," katanya.

Dalam pada itu, Dr Adham berkata pekerja warga asing khususnya dalam kalangan

petugas barisan hadapan seperti doktor, ahli farmasi dan pergigian akan menerima suntikan vaksin percuma.

"Ada warga asing yang menetap di Malaysia bekerja sebagai doktor, ahli farmasi dan pergigian, bagaimanapun, kita akan mengutamakan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kepada rakyat tempatan dahulu sebelum meneliti warga asing bekerja dalam sektor berisiko lain," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Tenggara itu turut menafikan tanggapan orang ramai berhubung berlakunya masalah kelewatan dalam pengagihan vaksin COVID-19 kepada rakyat.

"Ramai orang anggap berlaku masalah bekalan di Eropah tetapi saya bagi jaminan, pembekalan untuk Malaysia, saya dapat 'secure' lot-lot yang diperlukan untuk kita jalankan pelan imunisasi," katanya. - ©BERNAMA

Kawat duri dipasang di 13 laluan tikus PKPD Mukim Pasir Akar

BESUT, 13 Feb. - Tiga kampung di Mukim Pasir Akar yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), bermula esok akan dikawal ketat dengan kesemua 13 laluan tikus dipasang pagar kawat duri dan penghadang jalan sementara.

Ketua Polis Daerah Besut Supt Abdul Rozak Muhammad berkata, kerja-kerja pemasangan pagar kawat duri di Kampung Lapan Kejor, Kampung Darau-Awek dan Kampung Padang Baloh itu bermula 3.30 petang dan selesai pada kira-kira pukul 7.30 malam tadi.

"Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) terlibat dalam penugasan memasang kawat tersebut, petang tadi.

"Sementara itu, seramai 58 anggota melibatkan ketiga-tiga pasukan keselamatan itu akan bertugas secara bergilir-gilir di lokaliti terbabit sepanjang tempoh PKPD yang bermula esok hingga 27 Feb," katanya ketika meninjau kerja pemasangan kawat duri di Kampung Padang Baloh, di sini, hari ini.

Tiga Sekatan Jalan Raya (SJR) sedia ada di pintu masuk utama ke lokaliti tersebut akan terus diadakan selain kawalan oleh Unit Ronda Bermotosikal (URB) di sekitar laluan tikus.

"Sepanjang PKPD ini dijalankan, kita tidak membenarkan mana-mana penduduk keluar dari kawasan ini kecuali kes-kes kecemasan dengan kebenaran ketua polis daerah namun keputusan itu berdasarkan kepada arahan terkini Majlis Keselamatan

Negara (MKN).

"Laluan utama Pasir Akar akan ditutup kepada semua pengguna jalan raya mulai 12.01 tengah malam ini manakala penduduk kampung lain di Pasir Akar yang mempunyai urusan ke Jerneh perlu melalui jalan alternatif iaitu Jalan Kampung Oh atau Jalan Padang Tapong," katanya.

Pengumuman keputusan melaksanakan PKPD di lokaliti itu dikeluarkan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam susulan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung situasi jangkitan COVID-19 di tiga kampung berkenaan.

Ismail Sabri berkata melalui 570 ujian saringan yang dijalankan, terdapat 21 kes positif COVID-19 telah direkodkan di ketiga-tiga lokaliti tersebut. - ©BERNAMA

Vaksin China dapat pujian PM Hungary

BEIJING, 14 Feb. - Vaksin keluaran China akan membantu Hungary mendahului negara Kesatuan Eropah (EU) lain dalam program pemvaksinan, kata Perdana Menteri Hungary Orban Viktor.

"Kami akan mula menggunakan vaksin China tidak lama lagi. Semua penduduk yang berdaftar dijangka diberi suntikan menjelang Hari Easter bulan depan," ujarnya dalam satu temu ramah pada

Jumaat.

Beliau juga bersedia diberi suntikan vaksin China.

Menurut Orban, daripada populasi Hungary berjumlah 10 juta, setakat ini hampir 2.5 juta sudah berdaftar untuk menerima vaksin COVID-19.

Pada Sidang Kemuncak China-Negara Eropah Tengah dan Timur (CEECs) pada 9 Februari, beliau memuji kesungguhan saintis China dalam penyelidikan dan

penghasilan vaksin.

Beliau turut mengesahkan laporan dihasilkan institusi negaranya bahawa vaksin China sangat meyakinkan.

Institut Farmasi dan Pemakanan Nasional Hungary (NIPN) meluluskan penggunaan vaksin keluaran Kumpulan Farmaseutikal Nasional China (Sinopharm) pada hujung bulan lalu, menjadikannya negara EU pertama berbuat demikian. - ©BERNAMA

e-RMB tambah kemeriahahan Tahun Baru Cina

BEIJING, 14 Feb. - Pelbagai tempat di China mengeluarkan baucar dan ampau tunai sebagai insentif untuk menggalakkan penduduk menyambut Tahun Baru Cina di lokasi masing-masing dan tidak pulang ke kampung.

Shenzhen, Suzhou dan Beijing antara bandar perintis terawal memperkenalkan ampau renminbi digital atau e-RMB, yang turut menambah kemeriahahan sambutan

perayaan itu.

Pada hari pertama cuti, ampau bernilai 30 juta yuan (RM18.78 juta) telah diedarkan kepada pengguna di Suzhou. Kaunter e-RMB juga dibuka di banyak kedai jenama terkenal yang bersejarah di bandar itu.

Aktiviti secara percubaan itu membolehkan ekonomi digital disepadukan dengan jenama klasik.

Di Beijing pula, dengan tema

Sukan Olimpik Musim Sejuk, penggunaan e-RMB tertumpu pada permainan ais dan salji, makanan, penginapan, pengangkutan, pelancongan, beli-belah dan rekreasi, bertujuan memacu permintaan domestik.

Sebanyak 50,000 ampau dimasukkan ke e-dompet pengguna menerusi cabutan bertuah, masing-masing bernilai 200 yuan (RM125). - ©BERNAMA

Tiga nelayan Rohingya ditahan APMR P.Pinang

GEORGE TOWN, 13 Feb. - Tiga nelayan warga Rohingya ditahan bersama sebuah bot nelayan tempatan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang di kedudukan 7.3 batu nautika tenggara Pulau Rimau, dekat sini, semalam.

Pengarahnya, Kapten Maritim Abd Razak Mohamed berkata mereka yang merupakan etnik Rohingya berusia 24 hingga 33 tahun itu ditahan pada jam 6.30 petang kerana melanggar syarat sah dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel.

"Pemeriksaan kami mendapati bot nelayan milik warga tempatan dengan nombor pendaftaran yang sah itu dikendalikan tiga kru warga asing termasuk tekongnya yang kesemua mereka memiliki kad Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) yang sah.

"Namun mereka tidak memiliki sebarang kebenaran melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan Malaysia. Mereka akan menjalani ujian saringan COVID-19 terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa berkaitan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menggunakan kru asing tanpa surat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. - ©BERNAMA

Golongan berisiko dan B40 di kawasan padat penduduk perlu diberi keutamaan vaksinasi

KUALA LUMPUR, 13 Feb. - Golongan berisiko dan anggota keluarga B40 yang tinggal di kawasan berkepadatan tinggi seperti pangsapuri Projek Perumahan Rakyat (PPR) perlu diberi keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19, kata Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa.

Katanya, beliau akan berbincang mengenai cadangan itu dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin selaku Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dalam masa terdekat.

"Kita mengetahui jumlah rakyat asing yang ramai adalah dari Wilayah Persekutuan dan di sektor binaan sahaja ada ratusan ribu pekerja asing.

"Oleh itu, di kawasan padat penduduk, kita menanggung risiko yang tinggi sebab tinggal berjiran dengan pendatang asing dan terbukti berlaku kes yang banyak," katanya pada sidang media di Pusat Sementara Gelandangan Komuniti Sentul Perdana, di sini, hari ini.

Jemaah Menteri sebelum ini bersetuju memperluaskan pemberian vaksin secara percuma kepada semua rakyat asing yang menetap di Malaysia. - ©BERNAMA

PKPB di seluruh Sarawak dilanjut hingga 1 Mac

KUCHING, 13 Feb. - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Sarawak yang dijadual tamat esok akan dilanjutkan sehingga 1 Mac, demikian menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak.

JPBN dalam satu kenyataan memaklumkan pelaksanaan PKPB itu juga berkuat kuasa di Bahagian Sibu yang sebelum ini diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga esok (14 Feb).

Keputusan itu diambil susulan keadaan semasa penularan jangkitan COVID-19 yang masih belum terkawal sepenuhnya di Sarawak, menurutnya.

JPBN yang bermesyuarat hari ini juga memutuskan bahawa pergerakan antara zon di dalam negeri ini adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran daripada pihak polis.

"(Selain itu) aktiviti ekonomi seperti pasar harian, pasar borong, pasar tani, pasar malam dan bazar larut malam di zon merah adalah tidak dibenarkan beroperasi," menurut JPBN.

Sebanyak 152 jangkitan baharu COVID-19 direkodkan di Sarawak hari ini menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan kepada 6,425 kes. - ©BERNAMA



Aktiviti latihan di Pulapol dihentikan buat sementara waktu - Bukit Aman

KUALA LUMPUR, 13 Feb. - Segala aktiviti latihan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di seluruh negara dihentikan buat sementara waktu berikutan terdapat kes positif COVID-19 membabitkan

pelatih polis, kata Pengarah Jabatan Pengurusan Bukit Aman

Datuk Ramli Din.

Beliau berkata pada masa ini seramai 41 pelatih masih positif COVID-19 dan menjalani perintah kuarantin di Pulapol Kuala Lumpur.

"Sebelum ini, seramai 78 pelatih polis positif COVID-19 dan jumlah itu semakin berkurangan apabila ramai yang sembuh.

"Oleh itu, kami menunggu keadaan benar-benar pulih barulah Pulapol dibenarkan untuk meneruskan latihan kembali," katanya kepada pemberita selepas melawat gerai-gerai Jualan Mega Frontliner bersama PDRM di Keramat Wangsa, di sini.

Negeri-negeri yang mempunyai

pusat latihan polis ialah Kuala Lumpur, Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata PDRM pada masa sama bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dengan membuat sanitasi awam di Pulapol Kuala Lumpur dan Pulapol Segamat, Johor.

"Sanitasi awam di Pulapol negeri-negeri lain juga ada kami buat tetapi jumlah jangkitan COVID-19 adalah begitu kecil," katanya.

Mengulas mengenai pengambilan rekrut baharu untuk jawatan pegawai dan anggota polis ketika tempoh COVID-19, Ramli berkata pengambilan jawatan

diteruskan seperti biasa namun ia dihadkan.

"Hari ini, kami masih ada buat ujian fizikal rekrut baharu untuk mengisi kekosongan jawatan PDRM sedia ada tetapi hanya 3,800 sahaja diambil daripada 7,200 jawatan yang dibuka.

"Ia tidak boleh direkrut sepenuhnya (7,200) kerana dalam tempoh COVID-19 kelengkapan perlindungan diri tidak mencukupi untuk Pulapol melaksanakannya," katanya.

Ramli berkata walaupun pengambilan rekrut diteruskan, PDRM mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di setiap Pulapol seluruh negara. - ©BERNAMA

COVID-19 : Melaka catat kadar kebolehjangkitan tertinggi - Dr Noor Hisham

KUALA LUMPUR, 14 Feb. - Kadar kebolehjangkitan (Rt) COVID-19 mengikut kes harian bagi seluruh negara iaitu pada 0.92 setakat semalam dengan Melaka mencatatkan Rt tertinggi iaitu pada 1.07.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi infografik yang dikongsikan di akaun Twitter beliau menunjukkan Pulau Pinang merekodkan Rt kedua tertinggi pada 1.06 diikuti Kedah (1.04) dan Johor (1.01).

Negeri-negeri lain yang mencatatkan bacaan di bawah satu ialah Sarawak (0.96), Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Perak (0.95), Kelantan (0.92), Selangor (0.89), Pahang (0.86), Terengganu (0.82), Sabah (0.80), Perlis (0.77), Putrajaya (0.73) manakala Labuan (0.65).

Semalam, kes baharu positif pandemik COVID-19 merekodkan empat angka dengan 3,499 kes selain lima kematian dilaporkan. - ©BERNAMA

203 ditahan kesalahan rentas daerah, negeri semalam - Ismail Sabri

KUALA LUMPUR, 13 Feb. - Seramai 203 individu ditahan atas kesalahan ingkar Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan merentas daerah dan negeri tanpa kebenaran semalam, menurut Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata antara kesalahan lain turut direkodkan termasuk tiada penjarakan fizikal membabitkan 167 individu, tidak memakai pelitup muka (117), keluar rumah tanpa alasan munasabah (84), gagal menyediakan peralatan merekod diri dan pelanggan (57) dan 22 ditahan atas kesalahan membawa penumpang berlebihan.

"Semalam, seramai 759 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP dan daripada jumlah itu, 715 dikompaun dan 44 individu direman," katanya dalam kenyataan perkembangan harian Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hari ini.

Pada masa sama, beliau berkata 36 pendatang tanpa izin ditahan dalam Op Benteng di seluruh negara, manakala empat kenderaan darat disita.

Sementara itu, Ismail Sabri memaklumkan 6,118 warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 semalam dengan dua daripadanya didapati positif COVID-19.

Katanya secara kumulatif, setakat ini Kementerian Sumber Manusia memaklumkan seramai 368,185 pekerja warga asing menjalani ujian saringan dengan 7,198 daripadanya disahkan positif COVID-19. - ©BERNAMA

PGA Beluran tahan 21 orang cuba rentas daerah melalui lorong tikus

BELURAN, 13 Feb. - Pasukan keselamatan menahan 21 individu yang didapati cuba merentas daerah menggunakan "laluan tikus" dekat sini pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Beluran Supt Kasim Muda berkata mereka ditahan sepasukan anggota daripada Batalion 20 Pasukan Gerakan Am (PGA) ketika membuat rondaan di laluan tikus terbabit kira-kira 5.30 pagi.

"Mereka berumur tiga hingga 41

tahun dan mendakwa berpindah dari sebuah ladang sawit di Telupid ke sebuah lagi ladang di Kinabatangan. Kedua-dua ladang milik sebuah syarikat yang sama.

"Seramai 16 orang daripada mereka tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah dan dipercayai warga Indonesia, manakala empat merupakan rakyat tempatan dan seorang warga Indonesia mempunyai dokumen

yang sah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Kasim berkata pihak berkuasa turut merampas tiga kenderaan pacuan empat roda.

Katanya kes disiasat menurut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah dan Seksyen 55E akta sama terhadap pemilik ladang kerana membenarkan warga asing berada di dalam premis. - ©BERNAMA

Pasar Sentral Sibu ditutup sekali lagi hingga 19 Feb

SIBU, 13 Feb. - Penutupan Pasar Sentral Sibu yang sepatutnya berakhir esok akan dilanjutkan lagi sehingga 19 Feb susulan peningkatan jumlah kes positif COVID-19 melibatkan pasar tersebut.

Pengerusi Majlis Perbandaran Sibu (MPS) Clarence Ting Ing Horh berkata keputusan itu dibuat susulan laporan yang diterima daripada Pejabat Kesihatan Bahagian Sibu berkaitan kes positif di situ.

"Keutamaan kami ialah kesihatan dan keselamatan para peniaga dan orang awam secara keseluruhan.

"Oleh itu MPS juga telah meminta supaya semua peniaga di Pasar Sentral Sibu untuk menjalani ujian saringan COVID-19 di klinik kesihatan kerajaan berdekatan atau pusat ujian saringan pandu lalu Kementerian Kesihatan di bangunan Pustaka Negeri Sarawak, Sibu," katanya menerusi

kenyataan media hari ini.

Katanya MPS juga akan menyemak keputusan penutupan pasar tersebut pada 19 Feb nanti dengan mengambil kira keputusan saringan peniaga di sana.

Pasar Sentral Sibu yang menyediakan lebih 1,100 ruangan niaga sebelum ini pernah ditutup atas sebab sama untuk kali pertama pada tahun ini iaitu 2 - 3 Feb dan kali kedua pada 8 - 14 Feb. - ©BERNAMA

UKAS, RTM bekerjasama sampai maklumat sahih kepada rakyat - Menteri Muda Sarawak

KUCHING, 13 Feb. - Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan saling bekerjasama dalam usaha menyampaikan berita yang sahih kepada rakyat terutamanya di kawasan luar bandar, kata Menteri Muda Hal Ehwal Korporat dan UKAS Abdullah Saidol.

Beliau berkata perkara itu penting kerana sejak

kebelakangan ini masyarakat sering ditaburkan dengan berita kurang tepat yang disebarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Di sinilah saya rasa RTM akan terus relevan sebagai saluran perdana kerajaan untuk menyalurkan berita sahih manakala UKAS pula yang mempunyai wakil di setiap daerah dan bahagian di Sarawak akan sentiasa mengikuti perkembangan

rakyat, sekali gus menjadi tali penghubung di antara rakyat dan kerajaan.

"Pada masa yang sama, saya kira RTM dan UKAS perlu menyelami denyut nadi rakyat dengan menyalurkan berita mengenai kehidupan rakyat di desa dan luar bandar dari segi pembangunan dan sosioekonomi," katanya pada sidang media sambutan Hari Radio Sedunia di RTM Kuching, di sini

hari ini.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata seiring peredaran zaman dan teknologi, masyarakat sekarang mahukan pengisian yang terkini dan sesuai dengan jiwa mereka.

Oleh itu penyaluran maklumat yang tepat dan sesuai adalah perkara penting yang harus diambil kira oleh pengamal penyiaran, katanya.

Terdahulu, Abdullah

merasmikan sambutan Hari Radio Sedunia anjuran RTM Sarawak yang bertemakan 'SarawakFM Prihatin' sebagai menghargai pengorbanan barisan hadapan ketika mengawal penularan pandemik COVID-19.

Pada program berkenaan, turut diadakan gotong-royong bersama kakitangan RTM Kuching di mana agihan 'bubur pedas' turut diberikan kepada anggota barisan hadapan. - ©BERNAMA

Petugas media juga anggota barisan hadapan, kata Wartawan Veteran



KUALA LUMPUR, 13 Feb. - Beberapa wartawan veteran mengatakan bahawa wartawan harus selalu berada di lapangan di mana aksi berlaku dan oleh yang demikian mereka juga boleh dikategorikan sebagai barisan hadapan.

Aksi tersebut mungkin berupa peristiwa, bencana alam, kemalangan jalan raya atau insiden penembakan, dan untuk melaporkan dengan sebaik-baiknya mereka terpaksa turun padang.

Tidak ada bezanya juga dalam hal meliputi peristiwa yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 seperti sekatan pergerakan, sekatan jalan raya, pengedaran makanan dan sebagainya.

Tokoh Wartawan Negara Tan Sri Johan Jaaffar berkata para petugas media ini mahu tidak mahu terpaksa melaporkan pelbagai kegiatan dan aktiviti membabitkan COVID-19.

Mengambil contoh situasi pandemik coronavirus kini, bekas Pengerusi Media Prima Bhd dan bekas Ketua Pengarang Utusan Melayu itu berkata ini termasuk

merisikokan diri berada di mana-mana tempat yang berlaku wabak berkenaan seperti hospital, kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan pusat kuarantin supaya apa yang berlaku di tempat ini dapat digambarkan dengan jelas kepada masyarakat.

"Tetapi tidak pula pernah disebut 'frontliner' (barisan hadapan) itu terdiri daripada para wartawan, ini sepatutnya berlaku sebab dalam apa keadaan sekali pun para wartawan akan berada di hadapan," katanya kepada Bernama.

Sebelum ini dilaporkan beberapa petugas media dikesan positif COVID-19 selepas membuat liputan berita, termasuk seorang petugas media yang membuat liputan Pilihan Raya Negeri Sabah tahun lalu.

Tidak keterlaluan juga, menurut Johan, sekiranya para petugas media ini diletakkan sebagai golongan terawal menerima suntikan vaksin COVID-19 atas faktor sifat pekerjaan mereka ini.

Turut senada Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Press Institute (MPI) Datuk Chamil Wariya yang menzahirkan harapan

kepada pihak berkuasa untuk mempertimbang cadangan menyenaraikan petugas media sebagai golongan terawal menerima suntikan itu.

Beliau berkata ia menjadi satu keperluan kepada golongan berkenaan kerana wujud kebarangkalian mereka bertembung pembawa COVID-19 yang tidak bergejala ketika menjalankan tugas.

"Misalnya, mereka (wartawan) mengikuti rombongan pemimpin melawat ke tempat tertentu, mislanya tempat yang menempatkan pesakit COVID-19. Secara langsung mereka ini terdedah (kepada COVID-19) walaupun mereka patuh segala prosedur operasi standard (SOP).

"Mereka ini mempunyai tugas penting untuk mencari maklumat, menemu ramah, seterusnya menyalurkan maklumat itu kepada orang ramai. Itulah pentingnya vaksin ini kepada mereka," katanya.

Menurut Chamil, sejumlah 2,000 sehingga 3,000 suntikan vaksin sudah memadai bagi menampung jumlah keseluruhan petugas media di Malaysia.

'sentuhan manusia' tetap penting. "Media diharap untuk menginsankan naratif. Bagi menginsankan sebuah cerita, anda sentiasa akan memerlukan petikan. Ya...teknologi telah membantu ini tetapi wartawan masih perlu turun untuk bersemuka.

"Malah, teknologi telah memaksa had kelajuan bagi penyaluran berita sebanyak 100 kali ganda. Oleh itu, wartawan sentiasa perlu bergerak," katanya. - ©BERNAMA

Gempa bumi kuat gegar sempadan Tajikistan-Xinjiang awal pagi ini

KUALA LUMPUR, 13 Feb. - Gempa bumi kuat bermagnitud 6.3 pada skala Richter menggegarkan rantau sempadan Tajikistan-Xinjiang, awal pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan memaklumkan gempa yang berlaku pada 1.01 pagi itu, berpusat di 394 kilometer (km) timur laut dari Taloqan, Afghanistan pada kedalaman 86km.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami kepada Malaysia. - ©BERNAMA

MAIS sumbang barangan makanan asas kepada pemandu Limo KLIA

SHAH ALAM, 13 Feb. - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan bantuan barangan makanan asas kepada 215 pemandu limosin Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dekat sini yang terjejas susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MAIS dalam kenyataan hari ini memaklumkan sumbangan bernilai RM21,500 adalah hasil wang bayaran fidyah orang ramai. "Bantuan berupa set barangan makanan asasi seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan gula disampaikan oleh anggota MAIS, Dr Mohd Farid Ravi Abdullah. Turut hadir Pengarah Pembangunan Sosial MAIS, Suhaimi Ismail," kata kenyataan berkenaan.

MAIS mengambil inisiatif untuk membantu pemandu berkenaan yang mengalami kemerosotan wang pendapatan susulan penguatkuasaan PKP dan berharap bantuan yang disampaikan mampu mengurangkan beban perbelanjaan ditanggung penerima.

Orang ramai yang ingin membuat bayaran fidyah, boleh melayari laman web MAIS di www.mais.gov.my atau bayaran boleh dibuat terus menerusi <http://fpx.mais.gov.my/epay/fidyah.php>. - ©BERNAMA

Vaksin China bawa sinar harapan buat Zimbabwe

BEIJING, 13 Feb. - Zimbabwe merupakan antara satu daripada negara Afrika paling awal menerima vaksin COVID-19 sumbangan China.

Bekalan pertama vaksin berkenaan dijadual tiba di Harare Isnin depan.

Presiden Zimbabwe, Emmerson Mnangagwa menyifatkan sumbangan vaksin itu memberi sinar harapan dalam usaha negaranya memerangi wabak.

Beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih atas bantuan China itu ketika diwawancara pemberita Kumpulan Media China (CMG) pada Jumaat.

"China merupakan negara pertama yang membekalkan vaksin kepada kami. Ini memperlihatkan keutuhan hubungan kedua-dua negara.

"Petugas barisan hadapan merupakan golongan pertama yang akan menerima suntikan, diikuti warga emas dan mereka yang mempunyai penyakit," jelasnya.

Mengulas hubungan dua hala, Emmerson menyatakan, kerjasama kedua-dua negara membabitkan pelbagai bidang terus diperkasa, manakala persahabatan yang terjalin sekian lama diperkukuh lagi.

"Negara kami masih ketinggalan dalam kemudahan awam. Sistem lebu raya dan landasan kereta api perlu ditambah baik. China maju dalam bidang berkenaan dengan menguasai teknologi yang lebih canggih.

"Kami akan menghantar pelajar dan golongan muda ke China untuk mempelajari teknologi tersebut, sehingga menguasai untuk membangunkan negara kami," katanya kepada CMG.

Presiden turut mencadangkan kedua-dua negara meningkatkan kerjasama dalam bidang pertanian, perlombongan, sains dan pendidikan. - ©BERNAMA

Peranan radio sebar mesej ke arah pembangunan negara wajar diiktiraf - Saifuddin

KUALA LUMPUR, 13 Feb. - Sumbangan dan peranan radio dalam menyebarkan mesej dan agenda kerajaan ke arah pembangunan bagi sesebuah negara wajar sentiasa diiktiraf, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Saifuddin Abdullah.

Beliau berkata sejajar dengan tema sambutan Hari Radio Sedunia (WRD) 2021 "Dunia Baharu, Radio Baharu" oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (UNESCO), radio memainkan peranan penting khususnya dalam menyebarkan maklumat terkini kepada pendengar dan masyarakat.

"Tiga subtema yang diangkat UNESCO tahun ini, iaitu 'Evolusi', 'Inovasi' dan 'Kesalinghubungan' amat bertepatan dengan fungsi semasa radio dalam menyebarkan informasi global terkini berkenaan bencana alam, krisis sosioekonomi, pandemik dan banyak lagi.

"Kepada penyiar-penyiar radio

di seluruh negara, saya ucapkan selamat menyambut Hari Radio Sedunia 2021," katanya bersempena sambutan WRD 2021 hari ini.

Klip video itu dimuat naik melalui Facebook kementeriaannya.

Hari Radio Sedunia disambut pada 13 Feb setiap tahun bagi menghargai peranan selama lebih 100 tahun radio sebagai medium penyampai maklumat selain menjadi platform hiburan dan industri muzik. - ©BERNAMA

Perintah berkurung di perairan ESSZone dilanjutkan

KOTA KINABALU, 13 Feb. - Perintah Berkurung di kawasan perairan tujuh daerah dalam Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone) yang berakhir hari ini, dilanjutkan hingga 1 Mac depan.

Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Hazani Ghazali berkata perintah itu meliputi perairan Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Sandakan serta Beluran.

"Orang ramai yang tinggal di kawasan berkenaan dilarang menghampiri atau berada di kawasan diisytihar antara 6 petang hingga 6 pagi," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut beliau, perintah itu diteruskan bagi memastikan kawasan perairan berkenaan tidak diceroboh pengganas yang mengancam keselamatan sekali gus menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Sabah yang menjadi pengguna perairan dan rakyat berada di kawasan daratan ESSZone.

"Maklumat mendedahkan, kumpulan yang menjalankan kegiatan penculikan untuk wang tebusan (KFR) dan kumpulan Abu Sayyaf, masih cuba mencerooboh ke kawasan ini untuk melakukan penculikan dan lain-lain jenayah rentas

sempadan," katanya.

Hazani berkata arahan itu akan memudahkan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pergerakan bot serta menimbulkan rasa selamat dan yakin kepada pengusaha chalet dan nelayan dengan kehadiran pasukan keselamatan.

Katanya, perintah itu juga memberi kuasa kepada semua ketua polis daerah di ESSZone mengeluarkan permit kepada pemohon yang layak bagi tujuan aktiviti perikanan atau ada keperluan mendesak untuk melalui kawasan perintah berkurung berkenaan. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

PADA 30 November yang lepas Datuk K. Rajagopal telah dilantik oleh National Football Association Brunei Darussalam (NFABD) sebagai Ketua Jurulatih Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh dua tahun dan telah pun berada di Pusat Latihan NFABD sejak awal bulan Februari. Seramai 25 pemain telah menyertai latihan pertama skuad bola sepak kebangsaan di bawah pimpinan ketua jurulatih baharu.



ePaper Pelita Brunei

Tingkat pemahaman tentang Peraturan Permainan

PRESIDEN NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan (depan, lima dari kiri) semasa bergambar ramai pada Majlis Penutup NFABD AFC 'C' Certificate Coaching Course.

BERAKAS, Ahad, 14 Februari. - Seramai 12 peserta menerima sijil masing-masing setelah berjaya menamatkan NFABD AFC 'C' Certificate Coaching Course pada majlis penutup yang berlangsung pagi tadi di Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Presiden NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

Kursus yang dikendalikan oleh Unit Pendidikan Jurulatih Jabatan Pembangunan Teknikal itu dirancang untuk mengajar para pelatih bagaimana untuk menganalisis, merancang, mengatur dan menjalankan sesi latihan praktikal, terutama bagi perkembangan pemain-pemain muda.

Sepanjang program ini, para pelatih diberi pelajaran mengenai konsep dan tema pembinaan bola sepak moden. Mereka juga diberi penilaian teori dan praktikal untuk mengukur tingkat pemahaman mereka tentang Peraturan Permainan (Law of The Game) bagi bola sepak.

Diadakan dari 1 Februari 2021, kursus ini dibuat khas untuk Jurulatih Kelab Liga Super Brunei (BSL) buat pertama kalinya yang bertujuan untuk membantu pasukan



memahami dan mencapai syarat pelesenan kelab dengan lebih baik.

Turut diadakan pada majlis tersebut, penyampaian sijil kepada lima peserta kursus berkenaan yang menamatkan kursus mereka pada tahun 2019 yang lalu.

"Jurulatih yang mengikuti kursus berkenaan menunjukkan keazaman untuk mahu belajar yang seharusnya diberikan perhatian. Kepentingan bagi persiapan diri serta keazaman untuk mahu melibatkan diri dalam kerja berpasukan adalah sangat ditekankan semasa kursus tersebut.

**Berita dan Foto :
Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin**

"Saya dan Awang Haji Rozaimienizam bin Haji Jainal selaku Pembangunan Jurulatih bagi kursus berkenaan berharap mereka semua akan berjaya dalam usaha mereka untuk terus menuntut ilmu dan mengambil pengalaman baharu," jelas Pembangunan Jurulatih, Awang Md. Ikmarol Izzar bin Haji Omar.

Manakala Presiden NFABD dalam

ucapan penutupnya berharap dengan memperoleh sijil kejurulatihan tersebut, para jurulatih akan dapat mendidik dan mengajar pemain-pemain muda bola sepak di Negara Brunei Darussalam dengan tatacara yang betul dan berkualiti.

Beliau seterusnya merakamkan ucapan tahniah kepada jurulatih-jurulatih yang berjaya menamatkan kursus berkenaan.

NOSTALGIC RUN

In conjunction with Brunei Festival 37th National Day

HASSANAL BOLKIAH NATIONAL STADIUM

28.02.21

REGISTER AT [HTTPS://TINYURL.COM/NOSTALGICRUN2K21](https://tinyurl.com/nostalgicrun2k21)
REGISTRATION END: 15TH FEBRUARY 2021



15K • RATE: \$35
START: 6:45AM

10K • RATE: \$30
START: 7:00 AM

5K • RATE: \$25
START: 7:15 AM

SUPPORTED BY:



Nostalgic Run, 28 Februari ini

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Instagram @ESTP Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. - ESTP Brunei dengan kerjasama Brunei Darussalam Athletics Federation (BDAF) dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) dan Four Wheel Drive Association Brunei Darussalam akan menganjurkan Nostalgic Run bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021.

Nostalgic Run ini akan diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 28 Februari 2021.

Sebanyak tiga kategori akan dipertandingkan dalam larian tersebut, iaitu 5 kilometer (km) yang akan bermula pada jam 7.15 pagi; 10km yang

akan bermula pada jam 7.00 pagi; dan 15km yang akan bermula pada jam 6.45 pagi, di mana bayaran pendaftaran bagi 5km adalah sebanyak BND25, bayaran bagi 10km pula ialah BND30, manakala pendaftaran bagi 15km ialah BND35.

Untuk pendaftaran larian tersebut, boleh memuat turun melalui [HTTPS://TINYURL.COM/NOSTALGICRUN/2K21](https://tinyurl.com/nostalgicrun/2k21) yang akan ditutup pada 15 Februari 2021 ini.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Nostalgic Run tersebut, bolehlah melayari laman media sosial melalui Facebook : [@ESTP.Brunei](https://www.facebook.com/ESTP.Brunei) dan Instagram : [@ESTP.Brunei](https://www.instagram.com/ESTP.Brunei).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JANGAN MALU, TAKUT ATAUPUN SOMBONG UNTUK BERTAUBAT MENGAKUI SEGALA KESALAHAN

دتریبتنک اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam